# PENYESUAI GUNAAN SEMULA BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA DI JALAN MENDALING KAJANG, SELANGOR.

**NUR ELISA NATASHA BINTI SUKHAIRY**

**C18A0278**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

FYP FTKW

FYP FTKW

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# PENYESUAI GUNAAN SEMULA BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA DI JALAN MENDALING KAJANG, SELANGOR.

**OLEH**

**NUR ELISA NATASHA BINTI SUKHAIRY**

**C18A0278**

Projek Penyelidikan yang dikemukakan ini untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

FYP FTKW

**PERAKUAN TESIS**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.

| | | |
|---|---|---|
| ☑ | AKSES TERBUKA | Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sedia sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh) |
| ☐ | SULIT | Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 |
| ☐ | TERHAD | Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh:

| | |
|---|---|
| Tandatangan | Tandatangan Penyelia |
| Nama: Nur Elisa Natasha Binti Sukhairy | Nama: Dr. Suraya Binti Sukri |
| Tarikh: 23 Februari 2022 | Tarikh: 27/2/2022 |

DR. SURAYA BINTI SUKRI
Senior Lecturer
Faculty of Creative Technology and Heritage
University Malaysia Kelantan

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat saya menyempurnakan projek penyelidikan ini walaupun terdapat pelbagai cabaran, halangan yang harus ditempuhi. Syukur juga kepadaNya kerana diberikan kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada penyelia bagi projek penyelidikan saya iaitu Dr. Suraya Binti Sukri, dengan segala tunjuk ajar, teguran dan nasihat daripada beliau yang telah banyak membantu saya dalam menyiapkan penyelidikan ini.

Selain itu, ucapan penghargaan ini juga diberikan kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), para peniaga dan pemilik bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling serta para responden atas kerjasama dan bantuan yang diberikan semasa saya memerlukan maklumat mengenai bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling daripada pelbagai aspek.

Bukan itu sahaja, penghargaan yang tidak terhingga juga saya tujukan kepada individu dan rakan-rakan yang turut terlibat dalam menyiapkan kajian ini sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Akhir sekali, jutaan terima kasih yang tidak terhingga ini diucapkan kepada kedua Ibu Bapa saya iaitu Encik Sukhairy Bin Abd Rahman dan Puan Zanaria Binti Abu Naim di atas doa dan sokongan yang tidak putus diberikan sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Semoga penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada semua. Sekian.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

**ISI KANDUNGAN**

| | | HALAMAN |
|---|---|---|
| **PERAKUAN** | | **i** |
| **PENGHARGAAN** | | **ii** |
| **ISI KANDUNGAN** | | **iii** |
| **SENARAI JADUAL** | | **vi** |
| **SENARAI RAJAH** | | **vii** |
| **ABSTRAK** | | **viii** |
| **ABSTRACT** | | **ix** |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | |
| | 1.0 Pengenalan | 1 |
| | 1.1 Latar Belakang Kajian | 3 |
| | 1.2 Permasalahan Kajian | 5 |
| | 1.3 Persoalan Kajian | 7 |
| | 1.4 Objektif Kajian | 7 |
| | 1.5 Skop Kajian | 8 |
| | 1.6 Kepentingan Kajian | 9 |
| | 1.7 Penutup | 10 |
| **BAB 2** | **KAJIAN LITERATUR** | |
| | 2.0 Pengenalan | 11 |
| | 2.1 Definisi Warisan Budaya | 11 |
| | 2.1.1 Pemuliharaan Warisan | 12 |
| | 2.1.2 Bentuk Bangunan Rumah Kedai Lama | 13 |
| | 2.1.3 Keberkesanan Penyesuai Gunaan Semula | 15 |
| | 2.1.4 Penambahbaikkan Pengurusan Bangunan Rumah Kedai Lama | 17 |
| | 2.2 Kerangka Teori | 19 |
| | 2.2.1 Teori Pengurusan oleh Henri Fayol | 19 |

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2.3 Penutup 21

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.0 Pengenalan 22
3.1 Pendekatan Kajian 23
3.2 Rekabentuk Kajian 24
3.3 Unit Analisis 25
3.4 Kaedah Kajian 26
3.4.1 Kaedah Kualitatif 26
3.4.2 Kaedah Kuantitatif 27
3.5 Teknik Pengumpulan Data 28
3.5.1 Data Primer 28
3.5.2 Data Sekunder 30
3.6 Pensampelan 32
3.7 Analisis Data 34
3.8 Penutup 37

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pengenalan 38
4.1 Data Demografi Responden 39
4.2 Bentuk Penyesuai Gunaan Semula yang dilakukan 45
4.3 Tahap Keberkesanan Teknik Penyesuai Gunaan Semula 50
4.3.1 Aspek Kesedaran 51
4.3.2 Aspek Semangat Kekitaan 58
4.3.3 Aspek Perlindungan dan Pelestarian 62
4.4 Penambahbaikkan oleh Pihak Berkepentingan 67
4.5 Rumusan 71

**BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN**

5.0 Pengenalan 73
5.1 Kesimpulan 73

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

5.2 Cadangan 75
5.2.1 Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) 76
5.2.2 Masyarakat dan Komuniti Setempat 77

**RUJUKAN** 78
**LAMPIRAN** 85

FYP FTKW

## SENARAI JADUAL


| NO. | | HALAMAN |
|---|---|---|
| 4.1 | Taburan Responden Mengikut Umur | 36 |
| 4.2 | Taburan Responden Mengikut Jantina | 37 |
| 4.3 | Taburan Responden Mengikut Bangsa | 38 |
| 4.4 | Taburan Responden Mengikut Pekerjaan | 39 |
| 4.5 | Taburan Responden Mengikut Tempoh Menetap di Kajang | 40 |
| 4.6 | Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan | 41 |


FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## SENARAI RAJAH


| NO. | | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1.1 | Peta lokasi Jalan Mendaling Kajang | 8 |
| 2.1 | Elemen dalam pengurusan | 18 |
| 3.1 | Carta Alir Analisis Data Tematik | 32 |
| 4.1 | Bentuk bangunan rumah kedai lama yang diubah suai guna semula | 43 |
| 4.2 | Rekabentuk dalaman Restoran Satay Putera, Jalan Mendaling Kajang | 45 |
| 4.3 | Rekabentuk bangunan Kah Chong Key & Lock Enterprise, Jalan Mendaling Kajang | 45 |
| 4.4 | Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dalam memberi pendedahan dan pengetahuan sejarah kepada masyarakat | 48 |
| 4.5 | Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dalam memberi kesedaran kepada masyarakat untuk melindungi aset warisan | 50 |
| 4.6 | Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dalam melahirkan masyarakat yang kreatif | 52 |
| 4.7 | Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dari aspek semangat kekitaan dalam mengekalkan identiti bandar | 55 |
| 4.8 | Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dari aspek semangat kekitaan dalam kelompok masyarakat yang berbilang bangsa | 57 |
| 4.9 | Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dari aspek perlindungan dan pelestarian kesenian seni bina bangunan pada masa lalu | 60 |
| 4.10 | Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dari aspek perlindungan dan pelestarian dalam mengelak daripada dibiarkan begitu sahaja | 62 |




FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**PENYESUAI GUNAAN SEMULA BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA DI JALAN MENDALING KAJANG, SELANGOR**

## ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan satu kajian tentang penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang, Selangor. Pembangunan bandar yang semakin moden kini telah menyebabkan banyak rumah kedai lama ini dibiarkan, dirobohkan dan ada juga di antara bangunan rumah kedai lama ini telah diubah suai sehingga hilang nilai warisannya. Kajian ini juga memfokuskan kepada setiap objektif kajian yang merangkumi bentuk penyesuai gunaan semula yang dilakukan oleh pemilik bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini, kerberkesanan teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama dalam melindungi warisan dan penambahbaikkan yang perlu dilakukan dalam memastikan bangunan ini terus dipelihara. Kajian ini juga berpandukan kepada teori pengurusan oleh Henri Fayol dan kaedah kajian yang digunakan adalah kajian campuran. Kaedah ini dilakukan dengan pemerhatian secara langsung di lokasi kajian dan menemu bual beberapa informan yang terdiri kepada pihak Majlis Perbandaran Kajang, pemilik premis dan masyarakat setempat. Selain itu, tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik juga diberikan kepada 384 orang responden yang dipilih secara rawak. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan bagi teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama dalam usaha memelihara dan memulihara bangunan rumah kedai lama ini pada masa hadapan.

Kata Kunci: Penyesuai Gunaan Semula, Bangunan Rumah Kedai Lama, Keberkesanan Penyesuai Gunaan Semula.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**ADAPTIVE REUSE OF OLD SHOP HOUSES BUILDING IN JALAN MENDALING KAJANG, SELANGOR**


**ABSTRACT**

This research is a study on adaptive reuse for old shop houses in Jalan Mendaling Kajang, Selangor. The modern development of the city has caused many of these old shophouses to be abandoned, demolished and some of these old shophouses have been renovated to lose their heritage value. This study also focuses on each objective of the study which includes the form of adaptive reuse that has been done by the owners of old shophouses in Jalan Mendaling Kajang, the effectiveness of adaptive reuse for the old shophouse in protecting heritage and improvements that need to be made in ensuring that this building continues to be preserved. This study is also guided by management theory by Henri Fayol and the research method used is a mixed method. This method is done by direct observation at the location and interviewing several informants consisting of the Kajang Municipal Council, the owners of the premises and the local community. In addition, survey in the form of questionnaires were also given to 384 randomly selected respondents. Therefore, it is hoped that this study can be used as a guide in planning for adapting reuse of old shophouses in an effort to preserve and conserve old shophouses in the future.



Keywords: Adaptive Reuse, Old Shop House Building, Effectiveness of Adaptive Reuse.



FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.0 PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai jenis warisan budaya dan warisan budaya tersebut terdiri daripada warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara dan warisan budaya bawah air. Kepelbagaian jenis warisan ini telah menjadikan negara Malaysia unik kerana ianya telah merangkumi kepada seluruh warisan yang terdapat dalam semua bangsa di Malaysia. Setiap bangsa mempunyai warisannya tersendiri yang telah menjadi lambang dan simbolik kepada sesebuah bangsa yang lain. Namun begitu, menurut beberapa orang pengkaji, mereka telah mendefinisikan bahawa warisan itu sendiri terdiri kepada empat perkara iaitu warisan budaya, warisan semula jadi, warisan budaya bawah air dan juga warisan tokoh orang hidup. Manakala, warisan budaya dan warisan budaya bawah air ini pula merupakan warisan yang dapat dipecahkan kepada dua kriteria iaitu warisan yang berbentuk ketara dan tidak ketara (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah, 2015).

Kesan daripada penjajahan yang telah berlaku di Tanah Melayu pada masa lalu, ianya telah menjadikan negara Malaysia ini kaya dengan harta warisan terutama dalam bentuk warisan ketara. Warisan ketara bermaksud sesuatu perkara yang bersifat kekal dilihat serta ianya boleh dipegang dalam keadaan statik mahupun mudah alih. Warisan ketara yang bersifat statik ini adalah seperti tapak tanah bersejarah, monumen, bangunan



FYP FTKW

atau sesuatu yang tidak boleh dipindahkan. Manakala apa yang dimaksudkan dengan warisan ketara yang bersifat mudah alih pula adalah sesuatu artifak yang boleh dipindahkan dari suatu tempat ke tempat yang lain (Norhuda Salleh, 2014). Warisan ketara seperti tapak warisan, bangunan, monumen, harta benda dan banyak lagi telah menunjukkan bukti kepada sejarah yang telah berlaku pada suatu masa lalu dan antara warisan ketara yang terlihat jelas pada zaman kini adalah bangunan warisan yang mempunyai keunikan dan kepelbagaian unsur daripada pengaruh luar dapat dilihat dari segi rekabentuk dan kesenian yang telah didirikan sejak beratus tahun lalu.

Bangunan warisan di Malaysia adalah salah satu aset terpenting yang perlu dipelihara hal ini kerana bangunan warisan ini mempunyai pelbagai makna yang tersirat dan tersurat. Selain itu, bangunan warisan ini juga dianggap sebagai bangunan bersejarah yang mana ianya mempunyai maklumat sejarah serta identiti budaya masa lampau untuk mengimbas kembali detik-detik peristiwa pada zaman penjajahan (M. Naqiuddin, Noorsuhaida, N. Asyikin dan Mohd Nasrun Mohd Nawi, 2013). Perkara ini dilihat kepada bangunan rumah kedai yang mana ianya merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan sesebuah bandar. Bangunan rumah kedai merupakan salah satu bangunan yang banyak didirikan beratus tahun lalu dan hal ini telah memperlihatkan bahawa bangunan rumah kedai ini sememangnya salah satu bangunan yang terpenting kepada masyarakat sejak bertahun yang lalu.

Sejajar dengan itu, keunikan dan kekayaan dalam harta warisan yang terdapat di Malaysia ini akan goyah jika aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap harta-harta warisan ini kurang dipraktikkan. Kemodenan dunia pada masa kini juga secara tidak langsung telah menyebabkan kesedaran pihak berkepentingan serta masyarakat terhadap



FYP FTKW

pengurusan bangunan-bangunan yang dianggap lama dan usang ini semakin berkurang. Perancangan bandar yang lebih moden serta bersesuaian dengan kehendak masyarakat pada zaman kini telah melumpuhkan lagi keadaan bangunan-bangunan lama ini. Usaha serta pelaksanaan dalam memelihara bangunan-bangunan lama yang semakin berkurang ini secara tidak langsung akan menghapuskan nilai warisan yang terdapat di bangunan-bangunan tersebut. Pelbagai isu yang dihadapi dalam menjalankan aktiviti pemeliharaan serta pemuliharaan bangunan lama yang dapat kita lihat pada masa kini dan antara yang semakin hangat dikatakan adalah berkaitan bangunan SMK Convent Bukit Nanas. Menurut akhbar dari Awani, usaha dalam menjadikan SMK Convent Bukit Nanas sebagai salah satu tapak warisan mendapat bantahan daripada pihak pemegang amanah dan orang ramai kerana mereka bimbang dengan status pemilikan tanah selepas sekolah tersebut diwartakan dan melalui isu ini dapat kita lihat bahawa rakyat masih tidak sedar akan kepentingan dalam memelihara, memulihara dan melindungi warisan serta yang disebutkan di dalam Akta 645 (Astro Awani, 2021). Isu ini juga telah memperlihatkan bahawa masyarakat serta pihak berkepentingan yang lain masih lagi tidak sedar akan kepentingan dalam memelihara dan memulihara bangunan-bangunan lama ini. Bangunan-bangunan ini juga selayaknya di angkat agar ianya terus dipelihara dengan teknik-teknik pemeliharaan mahupun pemuliharaan yang bersesuaian.

## 1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Bandar Kajang yang terletak di negeri Selangor ini merupakan salah sebuah mukim yang berada di daerah Hulu Langat dan bandar ini telah mula dibangunkan sejak lebih seratus tahun yang lalu. Menurut salah seorang pengkaji sejarah tempatan iaitu Encik



FYP FTKW

Shahabudin Ahmad ada menyatakan bahawa bandar Kajang ini telah lama diterokai sejak tahun 1709 oleh orang-orang asli yang pada masa tersebut berpusat di Klang (Majlis Perbandaran Kajang, n.d.). Bangunan-bangunan lama yang dapat dilihat di dalam bandar yang semakin berkembang maju itu telah jelas menunjukkan bahawa bandar ini telah berusia lebih dari seratus tahun. Bangunan-bangunan seperti Pejabat Pos, Balai Polis, sekolah-sekolah seperti SMK Tinggi Kajang serta bangunan rumah kedai lama yang memenuhi bandar tersebut merupakan di antara bangunan lama yang masih teguh berdiri walaupun usia setiap daripada bangunan telah lebih dari seratus tahun. Perkembangan dalam sesebuah bandar juga berlaku kesan daripada masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia telah berjaya membentuk kepelbagaian dari aspek kebudayaan, kesenian, dan kepercayaan yang dikumpul dalam satu bentuk acuan dan ianya telah menghasilkan bentuk kehidupan yang harmonis dan stabil (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2018)

Jalan Mendaling, Kajang adalah tempat yang tidak asing lagi bagi masyarakat setempat di bandar ini. Deretan bangunan rumah kedai lama yang memenuhi di sepanjang jalan ini telah menunjukkan masyarakat setempat di sini masih berusaha dalam mengekalkan bangunan rumah kedai yang semakin dimamah usia ini. Bangunan rumah kedai lama yang berada di tengah-tengah bandar yang sedang berkembang maju ini masih kukuh berdiri di tapaknya sejak beratus tahun dahulu lagi. Namun, ada juga bangunan-bangunan rumah kedai yang tidak dijaga dan diuruskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab serta menyebabkan banyak kerosakan yang berlaku terhadap bangunan-bangunan ini.

Selain itu, desakan daripada kemajuan ekonomi telah menyebabkan banyak rumah kedai yang mana reka bentuk yang lebih moden di celah-celah bangunan rumah kedai lama



FYP FTKW

dan ada juga bangunan rumah kedai yang moden ini didirikan di atas tapak bangunan rumah kedai lama yang telah dirobohkan dan ianya secara tidak langsung telah menghapuskan keaslian fasad rumah kedai tersebut (Raja Nafida Binti Raja Shahminan, 2008). Terdapat beberapa bangunan rumah kedai di Jalan Mendaling Kajang ini sudah mula menggunakan teknik penyesuai gunaan semula sebagai langkah pemuliharan bagi bangunan rumah kedai tersebut.

Namun, masih ada lagi bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini dibiarkan dan ada juga yang dirobohkan begitu sahaja. Melalui perkara ini dapat kita lihat bahawa teknik penyesuai gunaan semula merupakan teknik pemuliharaan bagi bangunan rumah kedai lama yang mula diterima oleh masyarakat setempat di sini. Namun, aktiviti pemuliharaan ini masih lagi kurang mendapat pendedahan kepada pemilik-pemilik bangunan rumah kedai lama ini. Keunikan reka bentuk bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini telah menyebabkan teknik penyesuai gunaan semula ini sesuai untuk dijalankan di deretan bangunan rumah kedai lama di bandar tersebut.

## 1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam kesibukan membangunkan sesebuah bandar yang lebih moden dan bersesuaian dengan kehendak masyarakat yang lebih moden kini, terdapat banyak bangunan-bangunan lama seperti bangunan rumah kedai yang sudah berdiri lebih dari seratus tahun itu telah diubah reka bentuk fasadnya dan ada juga di antaranya telah dirobohkan dan dibina pula bangunan yang baru di atasnya. Menerusi perkara ini, bangunan rumah kedai lama ini layak dijaga kerana semua jenis warisan ini perlu dipelihara dan dipulihara dengan baik dan ianya juga berhak mendapat perlindungan dari aspek

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

perundangan dan penguatkuasaan kerana elemen ini dilihat penting bagi sebuah negara Malaysia yang sedang mencapai dalam pembangunan negara (Mohd Yuszaidy Mod Yusoff & Muammar Ghaddafi Hanafiah, 2015).

Walaupun bangunan rumah kedai di Jalan Mendaling ini dilihat seperti bangunan rumah kedai yang biasa, namun ia tersimpan seribu kisah dan sejarah pada masyarakat setempat. Deretan bangunan yang terdapat di sepanjang Jalan Mendaling, Jalan Tengah, Jalan Besar dan Jalan Tukang yang dahulunya dikenali sebagai pekan lama Kajang, akan melihatkan warisan dan nilai-nilai sejarah terutama pada bangunan-bangunan lama yang masih kekal hingga hari ini (*MStar*, 2019). Menurut akhbar *The Star*, bangunan rumah kedai lama di Kajang ini mengalami pengubahsuaian yang cepat dan pihak berkepentingan tidak mengambil berat tentang aktiviti pemuliharaan terhadap bangunan rumah kedai lama ini, malah perkara ini dilepaskan kepada pemilik yang tidak memiliki pengetahuan tentang pemuliharaan terhadap bangunan rumah kedai ini (*The Star*, 2019).

Tambahan pula, kekurangan inisiatif daripada pihak-pihak berkepentingan dalam usaha memelihara dan memulihara bangunan rumah kedai ini diantara salah satu asbab bangunan ini kurang dipelihara. Umum kita ketahui bahawa aktiviti pemeliharaan serta pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan rumah kedai yang lama serta bersejarah ini perlu diberi sepenuh perhatian yang lebih serius oleh Kerajaan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam memelihara bangunan rumah kedai lama ini dari segi struktur serta fasad bangunan tersebut, nilai warisan dan nilai estetika dalam seni bina di bangunan-bangunan rumah kedai lama ini secara tidak langsung dapat menarik tarikan pelancong bagi bandar-bandar tersebut ( Mohd Syahril Bin Said, 2007).



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.3 PERSOALAN KAJIAN

Dalam persoalan kajian ini, pengkaji telah membina beberapa persoalan bagi mendapatkan objektif dalam melaksanakan kajian tentang penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling, Kajang dan antara persoalannya ialah:

a. Apakah bentuk penyesuai gunaan semula bangunan yang dilakukan terhadap bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling, Kajang?
b. Sejauh manakah keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini dalam melindungi nilai warisan di bandar tersebut?
c. Apakah penambahbaikkan yang perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memastikan bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling, Kajang ini dipelihara?

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah membentuk objektif kajian sebelum menjalankan kajian yang bertajuk penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling, Kajang dan objektif bagi kajian ini adalah:

a. Mengenalpasti bentuk penyesuai gunaan semula yang dilakukan terhadap bangunan rumah kedai di Jalan Mendaling, Kajang.
b. Mengkaji keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai ini dalam melindungi nilai warisan di bandar tersebut.
c. Mengenalpasti penambahbaikkan yang perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan dalam memastikan bangunan rumah kedai di Jalan Mendaling, Kajang ini kekal dipelihara.



FYP FTKW

## 1.5 SKOP KAJIAN




Rajah 1.1: Peta Lokasi Jalan Mendaling, Kajang

Sumber: Google Maps (Google, n.d.)

Rajah 1.1 di atas menunjukkan lokasi di mana deretan bangunan rumah kedai lama yang dikaji di Jalan Mendaling Kajang. Kajian yang dijalankan ini adalah kajian yang tertumpu kepada lokasi kajian iaitu di sepanjangan deretan bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Jalan Mendaling Kajang, Selangor. Lokasi kajian yang dijalankan ini juga adalah tertumpu kepada bangunan rumah kedai lama yang terdapat di Jalan Mendaling di dalam bandar Kajang yang terletak kira-kira 14 batu di sebelah tenggara Kuala Lumpur (Majlis Perbandaran Kajang, n.d.).

Bandar yang sudah diterokai beratus tahun ini telah meninggalkan pelbagai kesan dan nilai-nilai sejarah yang dapat dilihat secara kasar. Lantas dengan perkara tersebut, usaha dalam memelihara dan memulihara bangunan-bangunan rumah kedai ini perlu dilaksanakan bagi mengawal masalah yang lebih besar kepada bangunan rumah kedai di kawasan tersebut. Menerusi kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kepada kelebihan yang

FYP FTKW

dapat dicapai dalam melaksanakan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap bangunan rumah kedai tersebut. Kajian ini juga mengukur tahap keberkesanan dalam pemeliharaan bangunan ini dalam melindungi nilai-nilai warisan.

Dalam pada itu, dalam mencapai objektif kajian ini pengkaji telah memfokuskan kepada beberapa individu yang memainkan peranan dan usaha yang sewajarnya dalam memastikan teknik penyesuai gunaan semula ini menjadi langkah pemuliharaan yang sesuai untuk dilakukan kepada bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang dan ianya adalah masyarakat setempat di bandar Kajang tersebut, pemilik bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang, dan juga pihak berkepentingan di bandar tersebut.

## 1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, terdapat beberapa kepentingan yang dapat dilihat antaranya ialah membantu dalam memberi pendedahan dan sekaligus dapat membantu masyarakat setempat dalam usaha memelihara bangunan rumah kedai yang terdapat di bandar tersebut. Pembangunan bandar yang berusia lebih seratus tahun itu perlu dijaga sebaiknya agar dapat diwarisi kepada generasi yang akan datang. Dalam pada itu, kajian ini juga telah memberi peluang kepada pengkaji untuk mencadangkan usaha serta langkah-langkah yang bersesuaian untuk membantu masyarakat di lokasi tersebut untuk bersama-sama menjaga dan melindungi harta warisan yang diperoleh dan di antaranya bangunan rumah kedai yang suatu masa dahulu dianggap nyawa bagi bandar tersebut.

Bukan itu sahaja, kajian ini juga mendatangkan kepentingan kepada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Hasil kajian yang dijalankan ini dapat membantu pihak berkepentingan untuk menumpukan lebih perhatian kepada pengurusan bangunan lama



FYP FTKW

terutama kepada bangunan-bangunan rumah kedai yang kurang mendapat perhatian. Cadangan bagi pengurusan bangunan ini bukan sahaja dapat melindungi harta warisan malah ianya juga dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi di kawasan tersebut.

Dalam pada itu, pendedahan dalam usaha serta langkah pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan rumah kedai ini kepada pemilik-pemilik bangunan rumah kedai ini juga dapat diberikan. Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, masih ramai lagi pemilik-pemilik bangunan ini tidak mengalami pengetahuan dalam memelihara dan memulihara bangunan rumah kedai ini. Usaha ini adalah bagi mengelakkan dan mengurangkan pengubahsuaian terhadap bangunan rumah kedai yang lebih moden.

Akhir sekali, kajian ini juga dapat memberi kepentingan kepada para pelajar. Hal ini dikatakan kerana, hasil kajian yang dilaksanakan ini diharap dapat memberi pendedahan kepada para pelajar dalam bidang pengurusan dalam memelihara bangunan warisan dan harta warisan yang lain. Kajian ini juga diharap dapat menjadi salah satu bahan rujukan kepada pelajar pada masa hadapan. Inisiatif ini diharap dapat menyedarkan semua pihak tentang kepentingan dalam memelihara warisan.

## 1.7 PENUTUP

Secara keseluruhannya, melalui bab ini pengkaji telah menerangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan, persoalan, objektif, skop kajian serta kepentingan dalam melaksanakan kajian ini. Setiap perkara telah diperincikan daripada awal kajian ini dilaksanakan agar matlamat dan objektif kajian ini tercapai. Setiap perincian awal dalam kajian ini telah disusun agar hala objektif yang hendak dicapai dalam kajian ini dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

# BAB 2

# KAJIAN LITERATUR

## 2.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan hasil kajian yang diperoleh daripada kajian-kajian lepas tentang langkah-langkah terbaik dalam pengurusan warisan iaitu dalam aktiviti pemeliharaan serta pemuliharaan yang dijalankan terhadap bangunan-bangunan warisan. Kepelbagaian aktiviti dalam pemeliharaan serta pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan warisan ini dapat membantu pengkaji dalam dapatan kajian yang hendak diperoleh. Hasil daripada kajian-kajian lepas ini juga akan dianalisis mengikut teori dan metodologi bersesuaian yang akan digunakan oleh pengkaji. Dalam pada masa yang sama kajian lepas ini dapat membantu pengkaji memahami masalah dan penyelesaian yang dinyatakan oleh pengkaji lain. Melalui dapatan kajian daripada kajian-kajian lepas ini juga secara tidak langsung dapat membantu pengkaji dalam mengaitkan dapatan kajian yang dilakukan dengan dapatan kajian yang lepas.

## 2.1 DEFINISI WARISAN

Istilah warisan ini dapat didefiniskan sebagai sesuatu yang telah diperoleh daripada turun-temurun oleh seseorang mahupun sesebuah kelompok masyarakat dan ianya menggambarkan memori dalam keseluruhan kehidupan sesuatu bangsa (Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, n.d.). Warisan ini juga merupakan sebuah harta

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

yang ditinggalkan daripada pada masa lalu untuk dijaga dengan baik dan diturunkan kepada generasi akan datang. Menurut Jabatan Warisan Negara, warisan ini merupakan sesuatu yang bernilai yang merangkumi adat resam, kebudayaan, bangunan serta bahan cetakan seperti penulisan buku (Jabatan Warisan Negara, 2016). Secara umumnya kita dapat lihat bahawa konsep warisan ini sangat luas dan ia difokuskan kepada peninggalan daripada masa lalu dan perlu diteruskan kepada generasi seterusnya. Pengurusan warisan yang sewajarnya perlu dilaksanakan agar harta warisan ini dapat dipelihara sehingga ke generasi yang akan datang.

### 2.1.1 Pemuliharaan Warisan

Pemuliharaan warisan merupakan satu aktiviti dalam memulihara dan membaik pulih sesebuah warisan agar ianya sentiasa dalam keadaan yang baik. Aktiviti pemuliharaan warisan ini juga merupakan suatu aktiviti yang amat penting dalam memastikan keadaan harta warisan seperti bangunan warisan sentiasa berada di dalam keadaan yang baik dan secara tidak langsung aktiviti ini dapat melindungi harta warisan negara daripada rosak dan dibiarkan begitu sahaja. Terdapat banyak kajian-kajian telah dijalankan sebelum ini yang berkaitan dengan kerja-kerja pengurusan warisan dalam pemuliharaan terhadap harta-harta warisan. Menurut kajian lepas, pengurusan terhadap bangunan warisan terutama dalam pemuliharaan terhadap bangunan ini adalah perkara yang amat penting dalam melindungi harta warisan. Pengurusan pemuliharaan bangunan warisan ini perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus, memulihara dan mengawal harta dan tapak warisan ini supaya terus berada dalam keadaan yang baik (Rose & Khalid, 2017). Menerusi kenyataan ini,



FYP FTKW

jelaslah bahawa pemuliharaan terhadap warisan ini adalah suatu perkara yang amat penting dalam melindungi warisan agar ianya dapat diturunkan dan diperkenalkan kepada generasi yang akan datang.

Dalam pada itu, kesedaran terhadap aktiviti pemuliharaan kepada bangunan warisan ini juga masih lemah dan masih kurang mendapat sokongan daripada masyarakat setempat. Bidang pengurusan terhadap bangunan warisan ini turut menghadapi pelbagai masalah tertentu iaitu dengan menghadapi kekurangan dari aspek perundangan. Masalah ini merupakan satu masalah yang semakin meningkat dan menghantui bidang pemuliharaan terhadap bangunan di Malaysia (Naqiuddin et al., 2013). Daripada permasalahan ini dapat dilihat bahawa badan-badan yang bertanggungjawab dalam memelihara serta memulihara bangunan warisan ini perlu menjalankan satu gerak kerja yang proaktif dalam memastikan bangunan-bangunan warisan ini kekal dipelihara dan dipulihara dengan baik dengan sokongan daripada pemilik mahupun masyarakat setempat di kawasan bangunan warisan tersebut agar ianya dapat dilindungi dengan baik. Teknik pemuliharaan yang dijalankan perlu berseseuaian dengan keadaan setempat bagi bangunan warisan tersebut dan antara langkah pemuliharaan yang bersesuaian dengan kemodenan dunia masa kini adalah teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan-bangunan lama.

### 2.1.2 Bentuk Bangunan Rumah Kedai Lama

Bangunan rumah kedai lama merupakan salah satu bangunan rumah kedai yang wujud ketika lebih kurang seratus tahun yang lalu dan ada juga bangunan rumah kedai lama ini berusia lebih daripada itu. Bangunan rumah kedai ini juga dikenali sebagai



FYP FTKW

bangunan rumah kedai tradisional yang mana ia merupakan sebuah bangunan rumah kedai yang digunakan bagi tujuan menjalankan kegiatan ekonomi yang berdasarkan perniagaan. Sesebuah bangunan rumah kedai lama ini juga merupakan tunjang ataupun nyawa kepada sesebuah bandar pada suatu masa lalu. Menurut kajian daripada pengkaji sebelum ini juga ada menyatakan bahawa bangunan rumah kedai lama merupakan salah satu kepada bentuk komponen binaan utama di bandar lama sesuai dengan kajian morfologi bagi pertumbuhan dalam sesebuah bandar (Toong Yong Seng, 2016).

Bukan itu sahaja, bangunan rumah kedai lama ini juga dikenali dengan struktur seni bina yang unik dengan kepelbagaian campuran identiti masyarakat pada ketika itu. Rekaan bangunan rumah kedai lama yang unik ini telah menjadikan bangunan ini berharga dan seharusnya dipelihara dengan baik agar ianya kekal relevan sehingga ke generasi akan datang. Kepelbagaian bentuk bangunan rumah kedai lama yang terdapat di seluruh negara dapat melambangkan bukan sahaja dari segi kematangan ekonomi dalam sesebuah bandar malah ianya juga dapat mengukur citarasa terhadap seni reka serta kesenian terhadap bangunan dari semasa ke semasa (Intan Khasumarlina Mohd Khalid, Harozila Ramli, Abu Bakar Sabran, 2015). Bangunan rumah kedai lama juga merupakan di antara bangunan yang dapat dilihat telah banyak mengaplikasikan teknik penyesuai gunaan semula dalam langkah memulihara bagi bangunan lama ini. Antara bangunan rumah kedai lama yang telah banyak mengaplikasikan teknik penyesuai gunaan semula sebagai langkah pemuliharaan ini adalah bangunan rumah kedai lama di Melaka dan Georgetown, Pulau Pinang yang merupakan di antara rumah kedai lama yang banyak menggunakan teknik ini dalam melindungi warisan. Langkah ini bukan sahaja dapat melindungi nilai warisan yang terdapat di bangunan rumah kedai lama ini, malah ianya juga dapat menarik kedatangan



FYP FTKW

pelancong. Terdapat juga banyak pilihan penyesuai gunaan semula yang tersedia untuk bangunan rumah kedai lama dan antara yang lebih popular adalah bangunan industri kepada muzium, seni studio, unit kerja langsung, pejabat, unit kediaman, sekolah, runcit, kafe dan sebagainya (Cantell & Huxtable, 2005). Secara rumusnya, bangunan rumah kedai lama ini dilihat sebagai sebuah bangunan rumah kedai lama yang unik serta penting kepada sesebuah bandar dan ianya juga menjadikan bangunan rumah kedai ini wajar untuk dipelihara.

### 2.1.3 Keberkesanan Penyesuai Gunaan Semula

Penyesuai gunaan semula atau ianya juga dikenali sebagai *Adaptive Reuse* ini adalah salah satu aktiviti dalam pemuliharaan warisan. Aktiviti ini merupakan satu aktiviti pemuliharaan terhadap bangunan warisan iaitu dengan menggunakan semula atau memberi nafas baharu kepada bangunan warisan tersebut kepada sesuatu yang baharu. Penyesuai gunaan semula adalah langkah pemuliharaan dalam mengubah fungsi asal bangunan sedia ada yang mana perkhidmatan serta teknologi terhadap bangunan yang sudah ketinggalan zaman menjadi sebuah bangunan baru untuk keperluan baru sekaligus dapat memenuhi kemahuan dalam perkembangan semasa (Cities & Communities, 2018).

Penyesuai gunaan semula terhadap bangunan bersejarah seharusnya menjadi strategi pilihan untuk sesebuah industri daripada memilih kepada pembongkaran mahupun pembangunan semula bangunan perindustrian yang baru. Hal ini kerana, penyesuai gunaan semula ini dilihat sememangnya dapat membantu komuniti, kerajaan dan pemaju dalam mengurangkan kos bagi alam sekitar, sosial dan ekonomi (Othman & Elsaay, 2018). Hal ini dapat dilihat bahawa penyesuai gunaan semula terhadap bangunan warisan ini bukan



FYP FTKW

sahaja dapat memelihara bangunan warisan tersebut malah ianya juga dapat mengurangkan kos dalam perobohan mahupun pembangunan semula bangunan yang baharu.

Selain itu, penyesuai gunaan semula ini bukan sahaja dapat membantu dalam pengurangan kos terhadap pembangunan bangunan yang baru malah ianya juga dapat memberi kesedaran kepada masyarakat itu sendiri tentang nilai sejarah yang terdapat di sebalik bangunan usang ini. Hal ini juga ada dikatakan dalam kajian seorang pengkaji yang menyatakan bahawa bangunan warisan ini mempunyai nilai warisan yang dapat menggambarkan kesedaran dalam aspek sejarah seni bina, sosial dan peristiwa pada masa lalua kepada masyarakat setempat (Norashikin, 2005). Melalui kenyataan ini, dapat kita lihat bahawa teknik penyesuai gunaan semula ini merupakan salah satu teknik pemeliharaan yang sangat berkesan untuk diaplikasikan kepada bangunan rumah kedai lama ini dalam melindungi nilai warisannya.

Bukan itu sahaja, teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini juga dilihat dapat membantu dalam memberi semangat dan rasa kekitaan di dalam kelompok masyarakat itu sendiri. Bangunan rumah kedai lama ini juga merupakan salah satu bentuk warisan yang mempunyai unsur seni bina yang mana ianya sekaligus dapat meningkatkan semangat dan rasa kekitaan terhadap masyarakat di bandar tersebut (Toong Yong Seng, 2016). Bangunan yang sudah terbina bertahun lamanya ini sememangnya memberi satu rasa kekitaan kepada masyarakat terutama masyarakat setempat di Kawasan tersebut. Justeru itu, penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini sememangnya mendatangkan kesan yang sangat mendalam kepada masyarakat setempat di bandar tersebut.



FYP FTKW

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, penyesuai gunaan semula bangunan warisan muncul begitu cepat berbanding dengan tahun sebelumnya yang mana banyak bangunan menderita keadaan bangunan yang buruk (Cities & Communities, 2018). Teknik penyesuai gunaan semula ini mula diaplikasikan di bangunan-bangunan warisan Malaysia. Teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan bersejarah ini juga dilihat dapat membantu dalam perlindungan dan perkembangan kepada sesebuah bandar yang mesra alam sekaligus mendatangkan kebaikan kepada masa akan datang (Daeng Haliza Daeng Jamal & Zuliskandar Ramli, 2021). Penyesuai gunaan semula ini juga biasanya telah mengubah fungsi asal bangunan bersejarah ini menjadi muzium, balai seni, hotel dan sebagainya. Antara bangunan bersejarah yang sudah mengaplikasikan teknik penyesuai gunaan semula ini adalah Bangunan Sultan Abdul Samad yang kini bertukar menjadi pejabat bagi Jabatan Warisan Negara dan juga menjadi Muzium Tekstil Negara dan sekaligus telah menarik tarikan pelancong. Selain itu, bangunan rumah kedai lama merupakan di antara bangunan yang banyak menggunakan teknik penyesuai gunaan semula ini sebagai langkah pemuliharaan bagi bangunan lama tersebut.

### 2.1.4 Penambahbaikkan Pengurusan Bangunan Rumah Kedai Lama

Pengurusan warisan adalah satu inisiatif dalam memastikan setiap warisan ini diuruskan dengan baik dengan langkah pemeliharaan yang bersesuaian. Menerusi Yayasan Warisan Johor, pengurusan warisan ini dapat didefinisikan sebagai satu pengurusan yang berperanan utama dalam aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap warisan, seni dan budaya dan ianya juga secara tidak langsung memberi manfaat kepada masyarakat dalam pelaksanaan program yang dijalankan (Yayasan Warisan Johor, n.d.). Melalui



FYP FTKW

pendefinisian ini dapat dirumuskan bahawa pengurusan warisan ini terdiri kepada langkah dalam memelihara dan memulihara terhadap harta warisan agar ianya terus dilindungi.

Pelbagai aspek penambahbaikkan yang perlu dilakukan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam memastikan pengurusan terhadap bangunan rumah kedai lama ini agar ianya kekal terpelihara. Menurut pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji lepas, beliau ada menyatakan bahawa proses penyesuai gunaan semula ini melibatkan satu penyusunan projek yang melihat kepada keselamatan bangunan dalam memelihara sejarahnya (Eyüce & Salingaros, n.d.). Menerusi kenyataan ini dapat kita lihat bahawa aspek keselamatan ini sememangnya dilihat sebagai satu penambahbaikkan yang perlu dilakukan dalam memastikan bangunan rumah kedai lama ini sentiasa dipelihara dan dikekalkan.

Selain itu, penambahbaikkan yang berterusan perlu dilakukan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam memastikan bangunan rumah kedai lama ini sentiasa kekal terpelihara. Hal ini dapat dilihat daripada kenyataan pengkaji yang ada menyatakan bahawa pengurusan terhadap kawalan bangunan warisan daripada menghadapi pelbagai masalah tertentu perlu kerap dilakukan dengan pemantapan dari aspek perundangan (Naqiuddin et al., 2013). Menerusi kenyataan ini dapat disimpulkan bahawa pengurusan dalam kawalan bangunan ini perlu dilakukan dengan kerap dalam menjamin bangunan rumah kedai lama ini kekal terpelihara. Namun, terdapat juga pengkaji yang menyatakan bahawa kerjasama daripada pihak kerajaan amat penting untuk memberikan perlindungan terhadap warisan ini dari segi pemuliharaan melalui tindakan undang-undang yang sewajarnya kepada individu yang tidak bertanggungjawab (Mohd Yusoff et al., n.d.).



FYP FTKW

## 2.2 KERANGKA TEORI

Kerangka teori merupakan perkara penting dalam sesebuah kajian kerana ia dapat mengukur sesuatu kajian dengan baik. Walaupun dapatan kajian banyak berpandukan kepada pengetahuan asas sahaja, ianya tidak memadai jika tiada sokongan daripada sesebuah teori. Bagi membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini, teori berkaitan dengan pengurusan sesebuah warisan telah dikaitkan agar ianya dapat membantu pengkaji menganalisis dan menyimpulkan dapatan kajian yang diperoleh dengan baik.

### 2.2.1 Teori Pengurusan Oleh Henri Fayol

Menurut Raymond Edward (2018), Henri Fayol adalah merupakan seorang ahli teori pengurusan klasik, yang secara meluas dianggap sebagai bapa teori pengurusan operasi moden. Idea-idea sistem pengurusan yang dibawa oleh beliau adalah bahagian asas dalam konsep pengurusan moden. Walaupun perkembangan saintifik menekankan prinsip-prinsip untuk meningkatkan keberkesanan pekerja, muncul cabang lain dalam sekolah klasik, pengurusan pentadbiran, dengan penyumbang utamanya ialah industri perindustrian Perancis Henri Fayol (Edwards, 2018). Dalam pada itu, teori yang di bawa oleh Henri Fayol ini juga dilihat dalam membantu dalam sesebuah pengurusan agar dapat membentuk sebuah gerak kerja yang terurus dan tersusun.

FYP FTKW




Rajah 2.1: Elemen dalam pengurusan

Sumber: (Kaplan Financial Limited, n.d.)

Rajah 2.1 di atas telah menunjukkan elemen yang terdapat di dalam teori pengurusan oleh Henri Fayol. Di dalam teori pengurusan ini, beliau telah menggariskan lima elemen pengurusan yang menggambarkan elemen-elemen yang perlu ada dalam sesebuah pengurusan agar matlamat dan objektif dalam sesebuah organisasi dapat dicapai dengan berkesan. Elemen-elemen dalam pengurusan ini terdiri daripada merancang (*Planning*), menyusun (*Organizing*), memberi arahan (*Command*), menyelaras (*Coordination*) dan mengawal (*Control*). Kelima-lima elemen di dalam teori pengurusan yang di bawa oleh Henri Fayol ini dianggap dapat membantu dalam pengurusan warisan termasuk bangunan-bangunan warisan. Kerja-kerja dalam pengurusan pemuliharaan warisan ini juga dapat dijalankan dengan lebih teratur dan tersusun dengan mengikut kelima-lima elemen dalam pengurusan ini. Dalam pengurusan pemuliharaan terhadap bangunan warisan yang teratur juga, kerjasama daripada pihak kerajaan amat penting dalam memberikan perlindungan terhadap warisan budaya ini dari segi pemuliharaan melalui perundangan. Melalui perkara ini, ianya dapat memberikan perlindungan yang



FYP FTKW

sewajarnya kepada warisan budaya yang terdapat di Malaysia ini (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2018).

Oleh itu, teori pengurusan Henri Fayol ini sangat bertepatan dengan kajian yang dijalankan iaitu kajian tentang pengurusan bagi pemuliharaan bangunan rumah kedai lama. Bangunan rumah kedai lama yang dianggap sebagai bangunan warisan ini selayaknya dipelihara dengan mengikut proses pengurusan dalam warisan yang betul. Teori ini juga boleh dilihat melalui langkah dan sistem yang telah dinyatakan dalam proses penyesuai gunaan semula terhadap bangunan lama mahupun bangunan warisan. Proses dalam penyesuai gunaan semula ini melibatkan penyusunan projek dan ia juga melihat kepada skema reka bentuk seni bina mengikut kemungkinan, potensi yang ditawarkan dan kekangan yang dikenakan oleh bangunan sedia ada yang selalunya mempunyai kepentingan sejarah (Eyüce & Salingaros, n.d.). Elemen-elemen penting dalam pengurusan ini perlu dipraktikkan agar dapat membantu dalam melicinkan proses pengurusan bagi pemuliharaan bangunan rumah kedai lama.

## 2.3 PENUTUP

Melalui kajian lepas berkaitan dengan penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini, pengkaji dapat mengenalpasti keunikan daripada aktiviti pemuliharaan ini terhadap bangunan terutamanya kepada bangunan rumah kedai lama. Teori pengurusan Henri Fayol juga sangat bertepatan dan ianya dapat diselarikan dengan teknik pengurusan warisan yang dipilih iaitu teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini.

FYP FTKW

FYP FTKW

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.0 PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan satu metode ataupun langkah dalam membentuk, mengumpul serta menganalisis data-data yang diperoleh agar ianya dapat menghasilkan sebuah dapatan ataupun hasil kajian yang kukuh dan sekaligus dapat menjadi kayu ukur bagi sesuatu perkara. Kaedah-kaedah yang tertentu akan diguna pakai dalam mengumpul dan menganalisis data-data yang diperoleh. Kaedah-kaedah yang bersesuaian dalam mendapatkan dapatan kajian yang kukuh juga digunakan dengan kesesuaian kajian.

Pengkaji juga mengukuhkan lagi dapatan kajian daripada data-data yang diperoleh dengan menggunakan serta merujuk sumber-sumber yang dipilih iaitu sumber primer dan sumber sekunder dalam mendapatkan maklumat yang berkaitan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu tentang penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang, Selangor. Maklumat yang dikumpul melalui internet dan sumber ilmiah ini telah dilaksanakan pada peringkat awal kajian ini dijalankan manakala tinjauan ke atas responden yang terpilih dijalankan secara atas talian dan ianya sebagai sumber utama yang digunapakai dalam menjawab semua objektif dan persoalan bagi kajian ini.

Secara rumusnya dapat dilihat bahawa metodologi kajian adalah tahap yang penting dalam menjalankan sesebuah kajian. Metodologi kajian yang akan dilaksanakan oleh

pengkaji dan penyelidik ini wajib dirancang dan diaplikasikan dengan betul, supaya proses sebelum dan semasa dalam mendapatkan data serta selepas mengumpul kesemua data yang diperoleh tidak mengalami sebarang kesilapan dan kecuaian yang boleh menjejaskan kajian penyelidikan yang dijalankan (Hua, 2016). Perancangan dalam menentukan kaedah kajian yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan merupakan elemen terpenting semasa menjalankan sebuah kajian yang sistematik dan teratur.

## 3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Pendekatan kajian adalah salah satu kaedah yang telah digunakan dalam menjalankan kajian tentang penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang Selangor ini. Pendekatan kajian ini juga adalah satu langkah yang telah membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat serta data-data bagi kajian yang dijalankan. Selain itu, pendekatan kajian ini juga merupakan rangkuman bagi semua data dan kaedah yang bersesuaian yang telah digunakan di lokasi kajian yang dijalankan. Pendekatan kajian adalah kerangka rujukan, cara dalam merefleksikan sepanjang proses penyelidikan, kaedah penyelidikan, dan cara yang digunakan dalam mengendalikan sesebuah kajian penyelidikan (Moen, 2006). Oleh itu, pendekatan kajian yang telah dipilih oleh pengkaji adalah pendekatan kajian secara kajian kes yang mana pengkaji memfokuskan kajian ini dengan melihat kepada situasi sebenar yang berlaku di lokasi kajian ini iaitu di Jalan Mendaling Kajang Selangor ini. Pendekatan kajian secara kajian kes ini dilihat bersesuaian dalam mencapai objektif kajian ini.

FYP FTKW

## 3.2 REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian merupakan satu corak bagi keadah kajian yang ingin digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan data-data bagi kajian yang dijalankan. Rekabentuk kajian ini juga berperanan penting dalam memastikan data kajian yang diperoleh ini tepat dan selari dengan tujuan serta permasalahan bagi kajian yang dijalankan. Reka bentuk kajian ini merupakan kajian tinjauan berbentuk deskriptif yang mana kajian tinjauan ini dapat digunakan untuk mendapatkan maklum balas mengenai pengetahuan, kemahiran dan kebergunaan tentang sesuatu yang dikaji oleh penyelidik tersebut (Din, 2020). Menerusi perkara ini dapat dilihat bahawa rekabantuk kajian yang sesuai akan membantu pengkaji dalam mendapatkan dapatan kajian yang sesuai dengan permasalahan kajian yang dinyatakan.

Dalam pada itu, rekabentuk kajian ini dapat diklasifikasikan kepada pelbagai cara dan langkah yang bersesuaian kepada pengkaji dalam mencapai objektif kajian serta permasalahan bagi kajian yang dijalankan. Pemilihan rekabentuk kajian yang bersesuaian seperti kaedah soal selidik ini dapat membantu dalam keupayaan menggeneralisasikan saiz populasi yang lebih besar, berkesan dan tepat dalam dapatan kajian (Pendidikan, 2013). Kaedah yang bersesuaian dengan matlamat utama kajian aalah sangat penting dalam memastikan dapatan kajian yang diperoleh menepati objektif kajian sekaligus dapat membantu dalam menyelesaikan permasalahan kajian. Setiap kaedah yang dipilih juga perlu bersesuaian dengan setiap satu objektif kajian yang hendak dicapai. Rekabentuk kajian yang bersesuaian juga secara tidak langsung dapat membantu pengkaji untuk memperoleh data-data bagi kajian dengan mudah dan teratur. Secara rumusnya,

FYP FTKW

perancangan awal dalam memastikan rekabentuk kajian yang teratur amat penting dalam membantu pengkaji mencapai objektif bagi kajian ini.

### 3.3 UNIT ANALISIS

Unit analisis merupakan komponen utama dalam sesebuah kajian. Unit analisis ini merupakan suatu permasalahan yang perlu dikaji. Selain itu, unit analisis ini merupakan objek yang ingin dikaji oleh seseorang penyelidik mahupun pengkaji. Objek yang dapat dilihat dapat kajian adalah seperti bangunan, nilai, manusia, kegiatan dan sebagainya. Bagi unit analisis ini, objek kajian tersebut merupakan perkara yang dikaji dan ia juga merupakan masalah dalam kajian yang dijalankan. Dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini, pengkaji telah memfokuskan tentang penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang Selangor. Secara tidak langsung bangunan rumah kedai dan juga teknik pemuliharaan bangunan warisan penyesuai gunaan semula telah menjadi objek bagi permasalahan kajian yang dijalankan ini.

Unit analisis yang digunakan oleh pengkaji juga adalah berdasarkan lokasi kajian yang dipilih iaitu di Jalan Mendaling Kajang Selangor. Pengkaji telah memfokuskan lokasi kajian tersebut adalah disebabkan bangunan rumah kedai lama yang memenuhi di sepanjang Jalan Mendaling ini. Menerusi perkara ini, bangunan-bangunan rumah kedai lama banyak berada di lokasi ini dan ia juga merupakan lokasi di mana masyarakat dari kawasan tersebut akan melihat bukti sejarah yang berlaku pada suatu masa lalu. Selain itu, pengkaji juga memfokuskan kajian ini dengan melihat individu yang berkait dengan objektif yang hendak dicapai oleh pengkaji iaitu masyarakat setempat di lokasi kajian tersebut, pemilik bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini dan



FYP FTKW

seterusnya pihak berkepentingan yang memainkan peranan penting dalam melindungi bangunan ruamh kedai lama ini. Oleh itu, masyarakat setempat, pemilik dan pihak berkepentingan merupakan komponen utama di dalam unit analisi bagi kajian yang dijalankan ini.

## 3.4 KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian adalah langkah yang perlu diambil oleh seseorang pengkaji dalam mencapai objektif kajian serta menyelesaikan persoalan dan permasalahan dalam kajian yang dijalankan. Kaedah kajian kes membolehkan penyelidik memeriksa data dalam konteks tertentu. Dalam kebanyakan kes, kaedah kajian kes memilih kawasan geografi yang kecil atau bilangan individu yang sangat terhad sebagai subjek kajian (Zainal, 2017). Oleh itu, kaedah kajian yang telah dipilih adalah kaedah campuran iaitu dengan gabungan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah ini juga diaplikasikan untuk mencapai kesemua objektif bagi kajian ini.

### 3.4.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah penyelidikan yang berbentuk kualitatif ini merupakan satu kaedah kajian yang mementingkan kualiti dalam data-data yang diperoleh. Data kualitatif merupakan rangkuman data yang diperoleh daripada hasil pemerhatian, hasil perbicaraan dan juga bahan tertulis (Jasmi, 2012). Kaedah kualitatif yang dilakukan bagi kajian ini adalah kaedah kualitatif secara kajian kes. Kaedah ini telah membantu pengkaji untuk melihat sendiri lokasi kajian bagi mendapatkan data-data. Melalui hasil pemerhatian pengkaji akan dapat melihat keadaan sebenar mahupun situasi sebenar yang berlaku di lokasi kajian.



FYP FTKW

Selain itu, kaedah pemerhatian ini juga dapat membantu pengkaji dalam merasai sendiri pengalaman dan masalah yang berlaku dalam lokasi kajian yang dikaji. Selain itu, menerusi data kualitatif yang seterusnya adalah daripada hasil perbicaraan. Perbicaraan ini merupakan elemen penting dalam apa-apa jenis kajian. Ia dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan pendapat dan hujah-hujah daripada masyarakat serta pihak-pihak yang berkepentingan dalam kajian yang dijalankan. Secara tidak langsung ia akan membantu pengkaji dalam mencapai ketiga-tiga objektif kajian bagi kajian ini.

### 3.4.2 Kaedah Kuantitatif

Dalam kajian ini, pengkaji juga ada menggunakan kaedah kajian kuantitatif dalam mendapatkan dan memperkukuhkan lagi dapatan kajian yang diperoleh. Kaedah kuantitatif ini merupakan salah satu kaedah yang mana ianya mengukur dan mengira kuantiti dalam data-data yang diperoleh. Segala kuantiti ini juga akan dipersembahkan di dalam dapatan kajian yang diperoleh dan ia dapat membantu untuk memperkukuhkan lagi objektif kajian yang hendak dicapai. Kualitatif juga merupakan ukuran yang menunjukkan keadaan suatu objek dalam sesuatu urutan sama ada kedudukan tersebut berada dalam keadaan yang paling rendah atau yang paling tinggi (Heri Retnawati, n.d.). Justeru itu, kaedah kualitatif ini sangat bersesuaian dalam mencapai objektif kedua kajian ini adalah dengan melihat tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dalam melindungi nilai warisan di bandar Kajang tersebut. Kaedah kualitatif ini juga akan diberikan kepada masyarakat setempat di kawasan tersebut dan ianya dapat mengukur sejauh mana penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama dalam melindungi nilai warisan ini berkesan.

FYP FTKW

### 3.5 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Teknik pengumpulan data merujuk kepada kaedah yang digunakan dalam mendapatkan jalan penyelesaian bagi permasalahan kajian yang dijalankan. Teknik pengumpulan data ini juga dapat difahamkan sebagai sebuah kayu ukur dalam memastikan objektif bagi kajian yang dijalankan tercapai. Kesemua maklumat serta data-data yang diperoleh semasa kajian dijalankan akan dikumpulkan dengan kaedah yang sistematik dan di teliti dengan baik bagi mendapatkan data kajian yang terbaik. Teknik pengumpulan data adalah salah satu faktor penting dalam pembangunan mahupun pengembangan sistem informasi dan ia juga merupakan cara untuk memahami sistem yang ada serta permasalahan yang dikaji (Syam, 2018). Data-data yang diperoleh ini dapat diklasifikasikan kepada dua jenis data iaitu data primer dan data sekunder.

#### 3.5.1 Data Primer

Dalam mendapatkan data primer dalam kajian, pengkaji telah mengambil beberapa inisiatif dalam mendapatkan dapatan kajian yang sahih. Data primer merupakan sumber data yang diperoleh daripada responden dan juga informan (Agusta, 2014), Data primer ini juga dikaitkan sebagai satu data yang asli yang didapati oleh pengkaji sendiri melalui kaedah yang bersesuaian. Data primer merupakan data yang dikumpulkan dengan pengumpulan data dari lokasi bagi sesuatu penelitian dan dokumentasi dilakukan. Pengumpulan data yang dilakukan juga adalah dengan cara pengamatan langsung yang dilaksanakan di lokasi kajian (Prakoso, 2018). Terdapat beberapa langkah yang sesuai telah dijalankan oleh pengkaji dalam mendapatkan data-data bagi dapatan kajiannya daripada responden iaitu secara temu ramah dan juga borang soal selidik secara atas talian.



FYP FTKW

**I. Temu Ramah**

Kaedah temu ramah ini merupakan kaedah yang biasa digunakan dalam setiap kajian yang dijalankan. Kaedah ini adalah untuk mendapatkan maklumat daripada responden mahupun informan secara jelas dan teliti tentang permasalahan bagi kajian yang dijalankan. Bersesuaian dengan keadaan semasa, pengkaji telah mengambil inisiatif dengan menemu ramah responden secara atas talian iaitu dengan menggunakan platform aplikasi *Whatsapp, Google Meet, Zoom* dan kaedah lain yang bersesuaian dari semasa ke semasa. Hasil daripada kaedah temu ramah ini seperti bukti video, audio, transkrip temubual dan catatan lain akan disimpan bagi memastikan tiada sebarang maklumat yang tercicir.

**II. Tinjauan Secara Atas Talian**

Pengkaji telah melakukan tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik secara atas talian untuk memenuhi kehendak objektif kedua kajian ini iaitu untuk mengukur tahap keberkesanan aktiviti pemuliharaan iaitu teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini dalam melindungi nilai warisan bagi bandar tersebut. Borang soal selidik ini juga akan diberikan kepada masyarakat setempat di lokasi kajian tersebut bagi melihat sendiri persepsi masyarakat dalam teknik penyesuai gunaan semula ini.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**III. Pemerhatian**

Pemerhatian merupakan penglibatan pengkaji sendiri di lokasi kajian iaitu di deretan bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini. Data daripada hasil pemerhatian ini dapat membantu pengkaji mencapai kehendak objektif pertama iaitu untuk melihat bentuk-bentuk penyesuai gunaan semula yang sudah diaplikasikan dan sudah diterapkan di deretan bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini. Data yang diperoleh daripada pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji ini juga dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian oleh kerana penyertaan pengkaji sendiri secara langsung di lokasi kajian tersebut.

### 3.5.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan satu data yang diperoleh daripada rujukan daripada sumber-sumber ilmiah dan bahan lain. Data yang diperoleh daripada sumber-sumber ini adalah untuk membantu mengukuhkan lagi serta menyokong kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Data sekunder merupakan kajian daripada kajian lepas yang digunakan untuk mendapatkan data tentang penelitian yang akan dilaksanakan dan data yang terkumpul akan membantu dalam menentukan untuk penelitian serta pengumpulan data sekunder ini juga dapat membantu untuk mengumpulkan data dan mendukung sumber data serta informasi ke dalam analisis sesebuah kajian (Prakoso, 2018). Terdapat beberapa sumber bagi data sekunder yang telah digunakan yang bersesuaian dengan permasalahan kajian yang dikaji.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**I. Sumber Internet**

Sumber internet merupakan sumber terpenting bagi pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Sumber internet ini juga membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat mengenai bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang. Kepelbagaian maklumat daripada laman sesawang rasmi Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), *Google Scholar*, Jabatan Warisan Negara dan sebagainya telah membantu pengkaji dalam menghasilkan dapatan kajian yang lebih berkualiti dan kukuh.

**II. Jurnal**

Jurnal pula adalah satu bahan rujukan yang dilihat sangat penting dalam sesebuah kajian yang dijalankan oleh pengkaji bagi menambah data serta maklumat tambahan bagi menyokong pendapat dan hujah-hujah yang dikemukakan. Kajian-kajian yang dikemukakan di dalam jurnal ini juga bercora k umum dan sesuai dijadikan rujukan bukan sahaja kepada sesuatu topik kajian yang spesifik malah ianya boleh dijadikan sebagai rujukan kajian yang pelbagai.

**III. Surat Khabar Online**

Sumber daripada surat khabar *online* pula dapat difahami dengan sumber yang digunakan oleh pengkaji dalam mendapatkan daripada laman berita yang diiktiraf dan tulen bagi memahami dan mendalami sendiri isu mahupun permasalahan yang dihadapi di lokasi kajian tersebut iaitu di Jalan



FYP FTKW

Mendaling Kajang. Isu-isu seperti kelemahan dalam pengurusan bangunan warisan yang banyak dilihat pada masa kini juga dilihat dan dikupas bagi pengkaji memahami keadaan sebenarnya sendiri.

**IV. Buku Ilmiah**

Melalui buku ilmiah pula, pengkaji telah mendapatkan buku-buku yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu berkaitan dengan penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai di Jalan Mendaling Kajang Selangor. Buku-buku yang diperoleh dari perpustakaan merupakan bahan kajian yang digunapakai bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian lain.

**V. Tesis**

Pengkaji juga menggunakan sumber tesis untuk memantapkan lagi kajian yang dilaksanakan ini iaitu tentang penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini. kajian yang berkaitan dengan tajuk kajian ini telah digunakan untuk melihat sendiri perbezaan dari sudut perspektif dan pandangan daripada pengkaji-pengkaji lain.

## 3.6 PENSAMPELAN

Dalam kajian penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini juga, pengkaji telah menggunakan teknik pensampelan bagi mendapatkan data serta maklumat bagi kajian yang dijalankan. Pensampelan ini

FYP FTKW

merupakan langkah dalam pemilihan elemen dalam menentukan populasi bagi kajian yang dijalankan. Ia juga dijadikan sebagai sumber maklumat utama yang diperlukan oleh pengkaji untuk menyelesaikan kajian yang dijalankan. Menurut Mugo Fridah W., pensampelan adalah tindakan, proses, atau teknik memilih sampel yang sesuai, atau bahagian yang mewakili populasi untuk tujuan menentukan parameter atau ciri keseluruhan populasi (Lindquist, 1940).

Selain itu, kaedah pensampelan ini juga terdiri daripada dua jenis iaitu, pensampelan kebarangkalian dan juga pensampelan bukan kebarangkalian dan kedua-dua ini membantu mengikut kesesuaian kajian yang dijalankan. Bagi kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini, kaedah pensampelan bukan kebarangkalian telah digunakan kerana ianya bersesuaian dengan maklumat dan data yang ingin diperoleh oleh pengkaji. Persampelan bukan kebarangkalian dapat didefinisikan sebagai salah satu prosedur persampelan yang tidak memberikan asas bagi pendapat kebarangkalian dan semua perkara berpeluang untuk dimasukkan ke dalam sampel kajian. Ia juga terdiri kepada lima bentuk yang berbeza dengan mempertimbangkan reka bentuk tidak rawak dan ianya adalah Persampelan kuota, persampelan tidak sengaja, persampelan *Judgmental* atau persampelan *Purposive*, persampelan pakar, persampelan bola salji, persampelan segera Modal (Etikan, 2017).

Menerusi kepelbagaian jenis pensampelan, pengkaji telah memilih dua jenis pensampelan bagi mendapatkan data-data dan maklumat daripada responden dan juga informan. Pensampelan yang digunakan adalah pensampelan kebarangkalian secara rawak iaitu *Simple Random Sampling*. Bagi kaedah pensampelan bukan kebarangkalian yang telah dinyatakan, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah pensampelan bukan kebarangkalian jenis pensampelan bola salji (*Snow Ball Sampling)* bagi kaedah kualitatif



FYP FTKW

kajian ini. Ia berguna apabila penyelidik mengetahui sedikit tentang kumpulan atau organisasi yang hendak dikaji. Pemilihan sampel kajian akan berguna untuk aspek komunikasi, dalam membuat keputusan (Etikan, 2017). Teknik ini dianggap sebagai kaedah pensampelan bola salji atau *snow ball sampling* adalah kerana sifat bola salji yang mana jika ia bergerak secara tidak langsung salji akan bertambah dan perkara yang sama ini telah diaplikasikan ke dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji yang mana maklumat dan data kajian akan mula bertambah jika pengkaji bergerak untuk mendapatkan maklumat daripada responden mahupun informan.

Seterusnya, bagi memperoleh data kuantitatif pula iaitu melalui borang soal selidik secara atas talian, pengkaji telah menggunakan kaedah pensampelan secara rawak mudah atau dikenali sebagai *Simple Random Sampling* iaitu dengan memberikan borang soal selidik atas talian ini secara rawak kepada masyarakat setempat di bandar Kajang ini. Melalui kalkulator pensampelan, seramai 384 orang responden telah terpilih daripada jumlah populasi penduduk di Kajang yang seramai 908,874 dengan kebolehpercayaan sebanyak 95%.

### 3.7 ANALISIS DATA

Analisis data adalah proses mencari dan mengatur transkrip wawancara, nota lapangan, dan bahan lain yang anda kumpulkan secara sistematik untuk meningkatkan pemahaman anda sendiri tentangnya dan untuk membolehkan anda menyampaikan apa yang telah anda temukan kepada orang lain (Rijali, 2019). Data-data yang telah diperoleh oleh pengkaji ini akan dibentangkan dan ditapis terlebih dahulu. Penelitian terhadap dapatan data-data yang diperoleh dapat menjelaskan kaedah analisis data yang digunakan



FYP FTKW

dalam kajian yang dijalankan oleh pengkaji (Junaedi, 2015). Pengkaji telah menggunakan analisis data tematik untuk kaedah kualitatif dan analisis secara deskriptif bagi kaedah kuantitatif dalam menganalisis dapatan kajian yang diperoleh.

Analisis tematik merupakan satu analisis yang fleksibel yang dapat digunakan dalam menjawab pelbagai jenis pertanyaan dan penelitian (Dwi Kristanto & Sri Padmi, 2020). Melalui kenyataan ini, jelas menunjukkan bahawa analisis tematik ini merupakan satu kaedah bagi analisis data yang sangat sesuai dilaksanakan pada kaedah kualitatif bagi menjawab segala jenis pertanyaan dan penelitian dalam kajian ini.




Rajah 3.1: Carta Alir Analisis Data Tematik

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Rajah 3.1 dia atas telah menunjukkan carta alir bagi analisis data tematik yang digunakan olrh pengkaji. Proses transkripsi data merupakan proses awal yang perlu dijalankan dalam kajian yang hendak dijalankan. Proses ini adalah dengan menukar data



FYP FTKW

suara mahupun video daripada sumber yang diperoleh kepada satu bentuk penulisan ayat yang jelas. Melalui langkah ini, pengkaji dapat menganalisis semula apatan kajian yang diperoleh daripaa sumber yang diperoleh. Selain itu, proses ini juga dapat menyimpan maklumat yang diperoleh agar tiada maklumat mahupun data-data penting yang lain tercicir.

Selain itu, proses seterusnya adalah dengan pembacaan semula yang dilakukan berdasarkan bahan dan sumber yang diperoleh. Kesemua hasil penulisan daripada pengumpulan data-data kajian ini akan dibaca semula oleh pengkaji bagi mendapatkan kesahihan dalam dapatan kajian yang dijalankan. Langkah pembacaan semula ini juga dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan data-data yang lebih relevan. Hal ini dapat dilihat, pembacaan semula data-data yang diperoleh ini merupakan langkah penting dalam memastikan tiada maklumat yang tercicir, susunan ayat yang betul serta kesampaian pengkaji untuk menyampaikan maklumat dan informasi kepada pembaca dan audien itu sampai dengan jelas.

Proses seterusnya selepas proses pembacaan adalah proses di mana pengkaji perlu menentukan kategori data-data kajian yang diperoleh mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Data-data yang telah dikategorikan mengikut pengkelasan objektif yang telah ditentukan ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan jawapan dan kehendak bagi persoalan kajian yang telah dinyatakan. Pengkategorian ini juga dapat membantu pengkaji dalam menentukan data yang sesuai mengikut persoalan serta objektif kajian yang dijalankan.

Langkah yang terakhir dalam analisis tematik ini adalah dengan pengkaji menjalankan proses "triangulasi" yang mana ianya dilakukan kepada gabungan semua

FYP FTKW

sumber data serta teori yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Kesemua data daripada yang telah ditentukan di metodologi kajian akan digabungkan bagi menentukan dan memastikan kesesuaian dan ketulenan data berdasarkan kajian yang dijalankan. Data yang diperoleh daripada hasil temu ramah, carian di Internet, kajian-kajian lepas serta pemerhatian daripada pengkaji itu sendiri akan dikaitkan agar dapat mencari jawapan kajian yang tulen serta dapat menjawab segala persoalan dalam kajian yang dijalankan.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga menggunakan analisis data deskriptif bagi dapatan kajian yang diperoleh melalui kaedah kuantitatif iaitu dengan kaedah tinjauan yang dilaksanakan pengkaji. Analisis data deskriptif ini adalah pendekatan yang bertujuan untuk menggambarkanmsecara fakta dan sistematik tentang perkaitan dalam penelitian kajian (Duan et al., 2017). Justeru itu, analisis data deskriptif ini telah digunakan dalam menganalisis dapatan kajian daripada kaedah kajian kuantitatif dan diolah dalam bentuk peratusan dan dirangkumkan dalam satu jadual dan graf yang telah dibentuk.

## 3.8 PENUTUP

Secara rumusnya, bab ini telah membincangkan berkaitan kaedah kajian yang mana ianya menjadi keutamaan bagi sesebuah kajian. Pemilihan metodologi kajian yang sesuai dengan tajuk kajian adalah perkara yang sangat penting dan ianya secara tidak langsung dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan hasil kajian yang berkualiti dan tulen. Melalui bab ini juga, pengkaji telah dapat menerangkan cara atau langkah yang telah digunakan pada proses sebelum, semasa dan selepas pengkaji dapatkan data daripada sumber-sumber yang telah dinyatakan.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

# BAB 4

# DAPATAN KAJIAN

## 4.0 PENGENALAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji semasa proses pengumpulan data yang telah dilakukan kepada para responden yang terlibat. Segala maklumat yang dikumpul merupakan data-data yang diperoleh daripada kaedah kajian yang telah ditentukan iaitu melalui kaedah pemerhatian, borang soal selidik dan sesi temu ramah bersama responden. Dapatan kajian ini juga mengandungi maklumat serta data yang lengkap berkenaan penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang, Selangor. Kajian ini juga dilaksanakan bagi mengetahui keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula yang digunakan terhadap bangunan rumah kedai lama ini dalam melindungi harta dan khazanah warisan bangsa. Selain itu, data-data yang diperolehi ini juga berkait rapat dengan maklumat berkaitan keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula yang digunakan terhadap bangunan rumah kedai lama serta pengurusan daripada pemilik premis dan pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj). Dapatan kajian ini telah diperincikan ke dalam bentuk gambar rajah, carta dan graf yang bersesuaian dengan topik yang dibincangkan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## 4.1 DATA DEMOGRAFI RESPONDEN

Bahagian ini mengandungi data-data berkaitan dengan latar belakang dan demografi responden yang terlibat dalam melengkapkan kajian ini. Data-data ini diperoleh daripada soalan yang telah dijawab oleh para responden yang menetap di daerah Kajang, Selangor melalui borang soal selidik yang diberikan secara atas talian iaitu di dalam bentuk *'Google Form'*. Kesemua maklumat tersebut adalah berkaitan dengan umur, jantina, bangsa, pekerjaan, tempoh menetap di Kajang dan tahap pendidikan para responden telah diterjemahkan ke dalam bentuk jadual seperti yang ditunjukkan di bawah:

| **Umur** | **Frekuensi** | **Peratus (%)** |
|---|---|---|
| **18 tahun ke bawah** | 1 | 0.2 |
| **19 – 29 tahun** | 89 | 23.2 |
| **30 – 39 tahun** | 130 | 33.9 |
| **40 – 49 tahun** | 103 | 26.8 |
| **50 tahun dan ke atas** | 61 | 15.9 |
| **Jumlah Keseluruhan** | 384 | 100 |

Jadual 4.1: Taburan Responden Mengikut Umur

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual 4.1 ia telah menunjukkan taburan responden mengikut kelas umur dan melalui jadual ini juga telah menunjukkan bahawa seramai seorang atau sebanyak (0.2%) di kalangan responden berada dalam lingkungan umur 18 tahun dan ke bawah. Manakala seramai 89 orang responden berada dalam lingkungan umur 19-29 tahun atau sebanyak (23.2%). Bagi responden dalam lingkungan umur 30-39 tahun pula telah menunjukkan bilangan responden yang tertinggi iaitu sebanyak 130 orang atau sebanyak



FYP FTKW

(33.9%). Seterusnya bagi responden dalam lingkungan umur 40-49 tahun pula adalah seramai 103 orang atau sebanyak (26.8%) dan selebihnya adalah responden dalam lingkungan umur 50 tahun dan ke atas pula adalah seramai 51 orang atau sebanyak (15.9%). Secara keseluruhannya, responden yang berada di dalam lingkungan umur 30-39 tahun merupakan peratusan yang tertinggi yang menjawab soal selidik ini. Hal ini kerana, borang soal selidik ini telah dibentuk secara atas talian dan pengkaji telah mengedarkan borang tinjauan tersebut ke laman kumpulan masyarakat Kajang di *Facebook*. Melalui hal ini, jelas dapat kita lihat bahawa golongan umur di dalam lingkungan 30-39 tahun merupakan responden yang tertinggi yang menjawab tinjauan ini berbanding golongan umur lingkungan 18 tahun ke bawah kerana rata-rata golongan yang berada di dalam laman tersebut adalah terdiri daripada golongan umur 30 hinggan 39 tahun dan ia telah menjadikan responden ini mudah dicapai berbanding responden yang lain. Bagi taburan responden mengikut jantina pula adalah seperti berikut:

| **Jantina** | **Frekuensi** | **Peratus (%)** |
|---|---|---|
| **Lelaki** | 162 | 42.2 |
| **Perempuan** | 222 | 57.8 |
| **Jumlah Keseluruhan** | 384 | 100 |

Jadual 4.2: Taburan Responden Mengikut Jantina

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Jadual 4.2 di atas telah menunjukkan taburan responden yang telah menjawab soal selidik ini mengikut jantina dan dapat dilihat bahawa seramai 162 orang atau sebanyak (42.2%) adalah terdiri daripada responden lelaki. Manakala seramai 222 orang responden atau sebanyak (57.8%) pula adalah terdiri daripada responden perempuan dan sekaligus



FYP FTKW

telah menjadikan golongan perempuan menjadi bilangan responden yang tertinggi berbanding responden golongan lelaki dan hal ini kerana responden daripada golongan ini lebih mudah untuk memberi kerjasama dalam menjawab soal selidik ini. Tambahan pula, tinjauan ini telah dimuat naik di laman kumpulan masyarakat di Kajang yang secara majorotinya diikuti oleh golongan perempuan. Bagi taburan responden mengikut bangsa pula adalah seperti berikut:

| **Bangsa** | **Frekuensi** | **Peratus (%)** |
|---|---|---|
| **Melayu** | 358 | 93.3 |
| **Cina** | 12 | 3.1 |
| **India** | 7 | 1.8 |
| **Lain-lain** | 7 | 1.8 |
| **Jumlah Keseluruhan** | 384 | 100 |

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Bangsa

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Jadual 4.3 telah menunjukkan seramai 358 orang atau sebanyak (93.3%) responden yang telah menjawab soal selidik ini adalah terdiri daripada bangsa Melayu. Manakala bagi responden berbangsa Cina pula adalah seramai 12 orang atau sebanyak (3.1%). Bilangan responden bagi bangsa India dan lain-lain pula mempunyai jumlah yang sama iaitu masing-masing memperoleh seramai tujuh orang responden atau sebanyak (1.8%). Secara keseluruhannya, melalui dapatan kajian ini telah berjaya memperoleh responden berbangsa Melayu lebih ramai berbanding bangsa lain dan hal ini disebabkan oleh populasi sebenar bangsa ini adalah lebih besar berbanding bangsa lain di Kajang *(Department of Statistics*

FYP FTKW

*Malaysia*, 2020). Bagi taburan responden mengikut pekerjaan pula adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

| **Pekerjaan** | **Frekuensi** | **Peratus (%)** |
|---|---|---|
| **Kerajaan** | 82 | 21.4 |
| **Swasta** | 149 | 38.8 |
| **Bekerja Sendiri** | 78 | 20.3 |
| **Pelajar** | 24 | 6.3 |
| **Tidak Bekerja** | 51 | 13.2 |
| **Jumlah Keseluruhan** | 384 | 100 |

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Pekerjaan

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Jadual 4.4 pula telah menunjukkan taburan responden mengikut sektor pekerjaan. Menerusi jadual tersebut dapat dlihat bahawa seramai 82 orang atau sebanyak (21.4%) adalah terdiri daripada responden dalam sektor kerajaan manakala bagi sektor swasta pula adalah seramai 149 orang atau sebanyak (38.8%) responden. Seramai 78 orang atau sebanyak (20.3%) responden adalah terdiri daripada golongan yang bekerja sendiri dan seramai 24 orang atau sebanyak (6.3%) adalah responden daripaa golongan pelajar. Manakala selebihnya pula, iaitu seramai 51 orang atau sebanyak (13.2%) adalah responden yang tidak bekerja. Secara keseluruhannya dapat dilihat responden yang terdiri daripada sektor swasta telah mencatatkan bilangan responden yang lebih tertinggi daripada bilangan responden dari sektor yang lain. Hal ini disebabkan oleh secara majoritinya syarikat yang berada di bandar Kajang ini adalah terdiri kepada syarikat swasta. Sejajar dengan perkara tersebut, tinjauan ini ramai dijawab oleh golongan yang bekerja dalam sektor swasta. Bagi



FYP FTKW

taburan responden mengikut tempoh masa menetap di Kajang pula adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah:

| Tempoh Menetap di Kajang | Frekuensi | Peratus (%) |
|---|---|---|
| **0 – 5 tahun** | 77 | 20.1 |
| **5 – 10 tahun** | 58 | 15.1 |
| **Lebih dari 10 tahun** | 249 | 64.8 |
| **Jumlah Keseluruhan** | 384 | 100 |

Jadual 4.5: Taburan Responden Mengikut Tempoh Menetap di Kajang

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Jadual 4.5 di atas telah menunjukkan jumlah taburan responden yang telah menjawab soal selidik ini mengikut kepada tempoh masa mereka menetap di Kajang ini. Seramai 77 orang atau sebanyak (20.1%) responden telah menetap di Kajang selama 0-5 tahun. Manakala bagi responden yang telah menetap di Kajang selama 5-10 tahun adalah seramai 58 orang atau sebanyak (15.2%) responden sahaja. Manakala selebihnya pula adalah responden yang telah menetap di Kajang lebih daripada 10 tahun iaitu seramai 249 orang atau sebanyak (64.8%) dan sekaligus telah menjadikan responden yang telah menetap lebih daripada 10 tahun ini telah menjadi bilangan responden tertinggi dalam kriteria ini. Hal ini disebabkan oleh responden yang telah menetap lebih daripada 10 tahun ini mudah memberi kerjasama dalam hal ehwal yang melibatkan tempat tinggal mereka. Selain itu, golongan masyarakat yang telah menetap lebih dari 10 tahun ini juga merupakan golongan yang sedar akan keunikan tempat tinggal mereka dan mahu agar warisan ini terus dikekalkan dengan baik. Bagi taburan responden mengikut tahap pendidikan pula adalah seperti yang dinyatakan di jadual berikut:



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| Tahap Pendidikan | Frekuensi | Peratus (%) |
|---|---|---|
| **Pendidikan Rendah** | 4 | 1 |
| **Pendidikan Menengah** | 68 | 17.7 |
| **Sijil** | 26 | 6.7 |
| **STPM/Diploma dan setaraf** | 110 | 28.7 |
| **Ijazah Sarjana Muda** | 130 | 34 |
| **Ijazah Sarjana** | 36 | 9.3 |
| **Doktor Falsafah** | 10 | 2.6 |
| **Jumlah Keseluruhan** | 384 | 100 |

Jadual 4.6: Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual 4.6 telah menunjukkan seramai empat orang atau sebanyak (1%) merupakan responden yang terdiri daripada tahap pendidikan rendah. Seterusnya, seramai 68 orang atau sebanyak (17.7%) responden adalah yang berpendidikan menengah dan bagi tahap pendidikan sijil pula adalah seramai 26 orang atau sebanyak (6.7%). Selain itu, bagi responden yang berpendidikan tahap Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Diploma dan setaraf dengannya adalah seramai 110 orang atau sebanyak (28.7%). Manakala bagi responden yang mempunyai tahap Pendidikan Ijazah Sarjana Muda pula adalah seramai 130 orang atau sebanyak (34%) dan bagi responden yang mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana pula adalah seramai 36 orang atau sebanyak (9.3%). Bagi responden yang berpendidikan Doktor Falsafah pula adalah seramai 10 orang atau sebanyak (2.6%). Secara keseluruhannya, responden yang berpendidikan Ijazah Sarjana Muda dan STPM/Diploma dan setaraf merupakan bilangan responden yang tertinggi daripada bilangan responden yang mempunyai latar belakang Pendidikan yanag lain. Hal

FYP FTKW

FYP FTKW

ini dapat dirumuskan bahawa, golongan yang berpendidikan tinggi ini lebih berminat untuk menjawab tinjauan bagi kajian tentang keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai dalam melindungi nilai warisan dan hal ini kerana golongan ini telah didedahkan dengan nilai-nilai warisan yang perlu dipelihara dalam sesebuah warisan itu sendiri.

## 4.2 BENTUK PENYESUAI GUNAAN SEMULA YANG DILAKUKAN TERHADAP BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA DI JALAN MENDALING, KAJANG

Seperti yang sedia maklum, bangunan rumah kedai lama ini merupakan di antara salah sebuah bangunan yang menjadi sebuah mercu tanda awal di kebanyakan pusat bandar yang semakin pesat membangun dalam kebanyakan negara (Seni et al., 2020). Kebanyakan daripada bangunan rumah kedai lama ini juga masih diguna pakai sehingga ke hari ini namun ada juga di antara bangunan rumah kedai lama ini telah disuai guna semula dengan lebih menarik dan diubah fungsinya untuk menjalankan aktiviti yang lain. Selain daripada itu, menurut pengkaji juga ada menyatakan bahawa rumah kedai lama ini telah melalui pelbagai bentuk fasa perubahan dan ianya dapat dilihat dari segi fasad bangunan dan tata atur ruang dalamannya yang mana dapat dilihat bahawa kebanyakan fasad hadapan bangunan rumah kedai lama ini telah dirobohkan dan digantikan dengan bukaan yang lebih besar bagi membolehkan fungsi bangunan sebagai sebuah kedai dijalankan (Seni et al., 2020). Melalui kajian yang dijalankan ini dapat dilihat bagaimana bentuk penyesuai gunaan semula yang telah dilakukan oleh pemilik premis kini dalam usaha pemuliharaan warisan bagi bandar tersebut.

Hasil daripada pemerhatian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji dalam mendapatkan data bagi kajian ini, terdapat beberapa buah bangunan rumah kedai lama sahaja yang telah mengaplikasikan teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini. Malah, kebanyakan daripadanya masih menggunakan bangunan rumah kedai lama ini tanpa mengubah suai dan ada juga di antara bangunan rumah kedai lama ini telah diubah suai sehingga hilang ciri-ciri dan rupa asal bangunan rumah kedai lama ini.




Rajah 4.1: Bentuk Bangunan Rumah Kedai Lama Yang Disuai Guna Semula

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Rajah 4.1 telah menunjukkan salah sebuah bangunan rumah kedai lama yang telah berjaya mengaplikasikan teknik penyesuai gunaan semula tanpa mengubah ciri-ciri dan rupa asal bangunan tersebut. Berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan oleh pengkaji, ia telah mendapati bahawa banyak elemen-elemen asal dalam bangunan rumah kedai lama ini masih dikekalkan termasuklah fasad bangunan dan struktur asal bagi bangunan ini.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Secara keseluruhannya, bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling, Kajang ini tidak banyak mengaplikasikan teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan-bangunan ini, malah ada diantara bangunan yang diubah suai sehingga menjejaskan rupa asal dan hilang nilai yang ada di sebalik bangunan tersebut.

Dalam pada itu, pengkaji juga ada menemu bual salah seorang pemilik bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling, Kajang ini dan beliau telah menjawab objektif pertama yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Bangunan rumah kedai lama ini dilihat sebagai aset kepada sesebuah bandar dan kesan revolusi yang berlaku kini telah menjadikan banyak bangunan rumah kedai lama ini diubah suai dengan lebih moden sehingga menghilangkan ciri asal bangunan tersebut. Namun, berbeza pula pandangan pemilik premis ini berbanding pemilik bangunan rumah kedai lama yang lain. Pada pandangan beliau, bangunan ini dilihat mampu menjadi salah sebuah bukti warisan yang harus dilestarikan kepada generasi akan datang.

Menurut informan iaitu Dato' Wong Yew Kai selaku salah seorang pemilik bangunan rumah kedai lama yang telah mengaplikasikan teknik suai guna semula ini bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual dijalankan:

> Rupa bangunan kami tak banyak ubah sebab kami aaa mahu…rupa bangunan lama ini dikekalkan aaa supaya generasi depan aaa boleh nampak…boleh tengok lagi ini bangunana lama…
>
> (R4 15 Oktober 2021, Kajian Lapangan, 2021)

Namun, kesan revolusi yang berlaku pada zaman kini telah menjadikan ramai pemilik premis ini memilih untuk memiliki bangunan rumah kedai yang lebih moden dan sesuai dengan citarasa kini. Melalui pemerhatian yang telah dijalankan ini juga, dapat



FYP FTKW

dilihat tidak banyak rumah kedai lama ini disuai guna semula untuk menjadi bangunan yang lebih menarik dan sekaligus dapat menarik pelancong luar sama seperti yang ditunjukkan di Bandar Melaka dan Bandar Georgetown, Pualu Pinang.

Menurut informan dari Majlis Perbandaran Kajang iaitu Sr. Zakaria Bin Ehsan selaku wakil daripada Juruukur Bangunan di Jabatan Kawalan Bangunan bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual dijalankan:

> Jika kita lihat sendiri di bandar kajang tu kan aa tak banyak lah … kedai yang aaa yang menggunakan kaedah suai guna semula ini aaa banyak kedai yang masih kekalkan sahaja bangunan ini tanpa mengubah apa-apa…terutamanya fasad bangunannya…dan kebanyakan antara mereka… aaa mereka menyambung legasi atuk nenek mereka dahulu… jadi ada beberapa kedai sahaja yang ubah sikit bangunan tu jadi…. Kedai makan aaa macam kedai satay tu kan…
>
> (R1 5 Oktober 2021, Kajian Lapangan, 2021)



Rajah 4.2: Rekabentuk dalaman Restoran Satay Putera Jalan Mendaling, Kajang.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN




Rajah 4.3: Kah Chong Key & Lock Enterprise, Jalan Mendaling, Kajang.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Rajah 4.2 dan rajah 4.3 di atas pula telah menunjukkan di antara perniagaan yang telah mengaplikasikan teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama yang mereka gunakan sebagai premis perniagaan mereka. Antara perniagaan yang sangat sinonim dengan penggunaan bangunan rumah kedai lama yang telah disuai guna semula ini adalah kedai makan atau restoran. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji Restoran Satay Putera yang berada di Jalan Mendaling Kajang ini telah mengekalkan banyak struktur asal bangunan tersebut. Struktur asal bangunan yang masih dikekalkan antaranya adalah fasad bangunan, dinding, dan juga bumbung bagi bangunan rumah kedai lama ini. Bukan itu sahaja, elemen dan struktur asal bangunan rumah kedai lama ini juga ada dikekalkan oleh kedai pembuat kunci iaitu Kah Chong Key & Lock Enterprise yang mana, fasad bangunan ini masih dilihat tersergam indah sama seperti seratus tahun dahulu.

Menurut informan iaitu Encik Timothy Kok bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual dijalankan:

> Kebiasaannya kedai makan jelah….aaa yang saya nampak dia ubah balik bangunan rumah kedai lama ini untuk dijadikan sebagai kedai makan dengan suasana lebih klasik…selain itu…banyak kedai yang diwarisi daripada aa dulu aaa macam contoh…kedai kunci…kedai basikal itu…itu semua masih *maintain* dari legasi nenek moyang dulu lah…
>
> (R2 7 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Secara keseluruhannya, teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini kurang mendapat sokongan dan kebanyakan pemilik premis perniagaan ini memilih untuk mengubah suai secara menyeluruh bangunan tersebut agar dapat menjimatkan masa dan proses penjagaan bagi bangunan tersebut.

## 4.3 TAHAP KEBERKESANAN TEKNIK PENYESUAI GUNAAN SEMULA TERHADAP BANGUNAN RUMAH KEDAI LAMA DALAM MELINDUNGI NILAI WARISAN DI BANDAR TERSEBUT

Bangunan rumah kedai lama merupakan antara salah sebuah khazanah warisan yang perlu dikekalkan dan dilestarikan kepada generasi akan datang. Kepelbagaian bentuk bangunan rumah kedai lama ini juga boleh dilestarikan dengan penerapan teknik suai guna semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini. Menurut Evan Sugden, pemeliharaan dengan teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini secara tidak langsung dapat mengurangkan bilangan bangunan yang terbiar dan dirobohkan di samping dapat melindungi aset warisan budaya bagi sesebuah tempat ini (Sugden, 2017). Melalui kenyataan ini dapat kita lihat bahawa penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini merupakan satu inisiatif yang mendatangkan dua kelebihan iaitu ianya dapat



FYP FTKW

mengurangkan pembaziran dengan bangunan yang terbiar dan disamping itu ianya dapat melindungi aset dan warisan budaya dalam sesebuah tempat.

### 4.3.1 Keberkesanan Teknik Penyesuai Gunaan Semula Dari Aspek Kesedaran

Kajian ini telah mengemukakan persoalan secara umum pada awalnya untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, soalan yang berbentuk pilihan jawapan skala likert iaitu dengan pilihan daripada 'sangat setuju' sehinggalah 'sangat tidak setuju' ini telah dibina untuk memahami konteks kajian yang berhubung tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini dalam melindungi nilai warisan di bandar Kajang. Dapatan kajian yang telah diperoleh ini telah dikemukakan menerusi gambaran graf yang lebih jelas seperti yang dinyatakan di bawah:




Rajah 4.4: Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dalam memberi pendedahan dan pengetahuan sejarah kepada masyarakat

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



FYP FTKW

Rajah 4.4 di atas telah menunjukkan dapatan kajian yang dijawab oleh responden melalui soal selidik mengenai tahap keberkesanan teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini dalam memberi pendedahan dan pengetahuan sejarah kepada masyarakat. Hasil daripada kajian ini telah mendapati bahawa seramai 245 orang atau sebanyak (63.8%) responden telah memilih 'sangat setuju' dan seramai 114 orang atau sebanyak (29.7) responden memilih 'setuju' daripada kenyataan yang diberikan. Dalam pada itu, seramai 20 orang atau sebanyak (5.2%) responden memilih 'tidak pasti' manakala seramai lima orang atau (1.3%) responden memilih 'tidak setuju' dan selebihnya adalah seramai seorang atau sebanyak (0%) reponden memilih 'sangat tidak setuju' bagi kenyataan yang diberikan ini.

Merujuk daripada rajah tersebut, ruangan rajah yang berwarna biru cair adalah menunjukkan bilangan responden yang memilih sangat setuju dengan kenyataan yang diberikan. Manakala bagi ruangan rajah yang berwarna ungu pula terdiri kepada bilangan responden yang memilih sangat tidak setuju dengan kenyataan yang diberikan. Ruangan rajah yang berwarna kuning, kelabu dan jingga seperti dalam rajah tersebut pula, masing-masing menunjukkan bilangan responden yang memilih setuju, tidak pasti dan tidak setuju dengan kenyataan tentang suai guna semula bangunan rumah kedai lama dalam memberi pendedahan dan pengetahuan tentang sejarah kepada masyarakat.

Secara keseluruhan daripada kenyataan yang telah diajukan kepada para responden melalui soal selidik ini, kebanyakan di antara mereka sangat bersetuju bahawa teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran tentang pendedahan dan pengetahuan sejarah kepada masyarakat. Sejarah juga dilihat sebagai satu perkara yang amat sinonim dengan bidang pemuliharaan



FYP FTKW

bangunan dan perkara ini dikatakan demukian kerana sesebuah bangunan tersebut akan dikenali dengan wujudnya sejarah disebaliknya (HARUN, 2005). Jelaslah di sini bahawa, melalui proses pemuliharaan bangunan warisan dengan pendekatan teknik penyesuai gunaan semula ini mampu memberikan pendedahan dan pengetahuan sejarah melalui rupa asal bangunan rumah kedai lama yang sememangnya berbeza dengan rupa dan bentuk bangunan rumah kedai pada zaman kini. Perkara ini juga dilihat dapat memberi gambaran kepada masyarakat dan seterusnya kepada generasi pada masa akan datang mengenai salah sebuah sejarah di bandar tersebut.




Rajah 4.5: Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dalam memberi kesedaran kepada masyarakat untuk melindungi aset warisan

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Rajah 4.5 di atas telah menunjukkan tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini dari aspek kesedaran kepada masyarakat untuk



FYP FTKW

melindungi aset warisan. Menerusi kenyataan ini, seramai 275 orang atau sebanyak (71.4%) responden memilih ‘sangat setuju’ dan seramai 83 orang atau sebanyak (22.9%) responden yang memilih ‘setuju’ berdasarkan kenyataan yang telah dikemukakan. Bagi responden yang memilih ‘tidak pasti’ pula adalah seramai 20 orang atau sebanyak (4.2%) manakala bagi responden yang memilih ‘tidak setuju’ pula adalah seramai empat orang atau sebanyak (1%). Selebihnya pula adalah responden yang memilih ‘sangat tidak setuju’ dengan kenyataan yang diberikan iaitu seramai dua orang atau sebanyak (0.5%).

Nilai peratusan seperti yang telah dinyatakan di dalam rajah di atas merupakan bilangan responden yang memberi pandangan dan pendapat mereka mengenai tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini dari aspek kesedaran kepada masyarakat untuk melindungi aset warisan. Jumlah responden yang ditunjukkan di ruangan rajah berwarna biru telah menunjukkan jumlah responden yang sangat setuju dengan kenyataan tersebut manakala bagi ruangan rajah yang berwarna kuning pula merupakan bilangan responden yang hanya setuju dengan kenyataan yang dikemukakan. Bagi responden yang kurang pasti dan tidak setuju dengan kenyataan yang diberikan pula adalah ruangan rajah yang berwarna kelabu dan jingga. Bagi responden yang sangat tidak setuju dengan pernyataan yang dikemukakan pula adalah di ruangan rajah yang berwarna ungu iaitu seramai dua orang responden.

Melalui rajah ini, dapat disimpulkan bahawa rata-rata para responden sangat bersetuju dengan kenyataan yang dikemukakan iaitu para responden berpendapat bahawa teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini berpotensi dalam memberi kesedaran kepada masyarakat untuk sentiasa melindungi aset warisan yang ada supaya ianya dapat dikekalkan kepada generai pada masa akan datang.



FYP FTKW

> Bagus juga aaa ini teknik penyesuai gunaan semula bangunan sebab melalui teknik ini…aaa masyarakat lain boleh nampak dan sedar betapa pentingnya warisan kita ini…
>
> (R2 7 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Menurut informan kedua ini, beliau juga berpandangan yang sama dengan para responden lain yang mana beliau melihat bahawa bangunan rumah kedai lama ini merupakan sesebuah aset kepada sesebuah bandar itu sendiri dan hal ini kerana bangunan rumah kedai ini adalah salah satu aset dan daya tarikan kepada sesebuah bandar. Oleh disebabkan hal itu, penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini dilihat sangat berkesan dalam melindungi aset warisan bandar tersebut.




Rajah 4.6: Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dalam melahirkan masyarakat yang kreatif

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



FYP FTKW

Rajah 4.6 di atas telah memaparkan tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini dari aspek kesedaran dalam melahirkan masyarakat yang kreatif dalam penyesuai gunaan semula bangunan lama ini kepada sesuatu fungsi baharu dan lebih menarik. Menerusi gambaran rajah di atas, seramai 275 orang atau sebanyak (71.6%) responden telah memilih ‘sangat setuju denga kenyataan yang diberikan manakala seramai 83 orang atau sebanyak (21.6%) responden telah memilih ‘setuju’ dengan kenyataan tersebut. Namun, terdapat juga di antara responden yang memilih ‘tidak pasti dengan kenyataan yang diberikan iaitu seramai 20 orang atau sebanyak (5.2%). Responden yang memilih ‘tidak setuju’ pula adalah seramai empat orang atau sebanyak (1%) dan responden yang memilih ‘sangat tidak setuju’ bagi kenyataan ini pula adalah seramai dua orang atau sebanyak (0.5%).

Secara keseluruhan daripada rajah ini dapat dilihat bahawa kebanyakan daripada responden ini sangat bersetuju dengan pernyataan yang telah dikemukakan iaitu peratusan responden yang sangat setuju dengan pernyataan berikut adalah sebanyak (71.6%) berbanding dengan bilangan responden yang sangat tidak setuju adalah sebanyak (0.5%). Berdasarkan peratusan ini, dapat dirumuskan bahawa penerapan teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedaai lama ini sememangnya telah memberi kesedaran dan sekaligus dapat melahirkan masyarakat yang lebih kreatif dengan menyesuai guna semula bangunan lama ini kepada sesebuah fungsi baharu dan lebih menarik. Perkara ini juga dilihat dapat membantu dalam melestarikan bangunan lama ini untuk kekal terpelihara di bandar tersebut. Kenyataan ini juga telah disokong oleh salah seorang informan iaitu Dato’ Wong Yew Kai melalui sesi temu bual yang telah dijalankan dan informan tersebut telah bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual dijalankan:



FYP FTKW

FYP FTKW

> Ye…bagi saya...teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini sangat aaa membantu dalam memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya kepada golongan belia…sebab saya nampak ini aaa antara salah satu *trend* sekarang juga kan… yang mana kita guna semula bangunan rumah kedai lama ini kepada sesuatu benda baharu yang unik…
>
> (R4 15 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Melalui pandangan yang diberikan oleh responden keempat ini dapat disimpulkan bahawa sememangnya teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini dapat memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya pemuliharaan bangunan rumah kedai lama ini dan perkara ini juga sekaligus dapat melahirkan generasi yang lebih kreatif dalam menggunakan semula bangunan-bangunan ini dengan menggunakan teknik tersebut dan mencipta satu fungsi baharu yang lebih unik dalam mempersembahkan aset warisan kepada generasi akan datang.

Melalui hasil daripada dapatan kajian dari aspek kesedaran ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini berkesan dari aspek memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingannya dalam melindungi warisan bagi bandar tersebut. Hal ini kerana, dengan teknik penyesuai gunaan semula ini ianya dapat memulihara bangunan tersebut daripada dibiarkan mahupun dirobohkan tanpa usaha untuk melindunginya. Bangunan rumah kedai lama ini dilihat sebagai salah satu aset utama dalam pembangunan sesebuah bandar dan secara tidak langsung ianya telah menjadi satu elemen penting dalam sejarah bandar tersebut.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### 4.3.2 Keberkesanan Teknik Penyesuai Gunaan Semula Dari Aspek Semangat Kekitaan

Kajian ini telah mengemukakan persoalan secara umum pada awalnya untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, soalan yang berbentuk pilihan jawapan skala likert iaitu dengan pilihan daripada 'sangat setuju' sehinggalah 'sangat tidak setuju' ini telah dibina untuk memahami konteks kajian yang berhubung tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini dalam melindungi nilai warisan di bandar Kajang. Dapatan kajian yang telah diperoleh telah dikemukakan menerusi gambaran graf yang lebih jelas seperti yang dinyatakan di bawah:




Rajah 4.7: Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dari aspek semangat kekitaan dalam mengekalkan identiti bandar

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Rajah 4.7 di atas telah menunjukkan pandangan responden dalam tahap keberkesanan teknik suai guna semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini dari aspek semangat kekitaan dalam mengekalkan identiti bandar tersebut. Melalui kenyataan tersebut, seramai 283 orang atau sebanyak (73.9%) responden telah memilih ‘sangat setuju’ manakala seramai 80 orang responden iaitu sebanyak (20.9%) responden telah memilih ‘setuju’ bagi kenyataan tersebut. Bagi bilangan responden yang memilih ‘tidak pasti’ bagi kenyataan tersebut pula adalah seramai 15 orang yang bersamaan sebanyak (3.9%) responden dan bagi responden yang memilih ‘tidak setuju’ dan ‘sangat tidak setuju’ pula, masing-masing mencatatkan angka responden seramai empat orang atau sebanyak (1%) dan seramai seorang bersamaan (0.3%) bagi pilihan skala tersebut.

Melalui gambaran rajah bagi pandangan dan pendapat responden mengenai tahap keberkesanan dari aspek ini, dapat dilihat bahawa secara umumnya, sebilangan besar daripada para responden sangat bersetuju bahawa teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini dapat mewujudkan semangat kekitaan dalam diri masyarakat dengan pengekalan identiti bandar. Seperti yang kita sedia tahu, bangunan rumah kedai merupakan nyawa bagi sesebuah bandar dan melalui identiti sesebuah bandar ini juga, telah terbina semangat kekitaan yang tinggi dalam diri masyarakat setempat. Namun terdapat juga seorang responden yang tidak menyokong kenyataan ini dan merasakan ianya tidak wajar namun berbeza pula dengan pandangan daripada informan keempat iaitu Dato’ Wong Yew Kai selaku pemilik Restoran Satay Putera yang mengaplikasikan teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini yang mana beliau telah bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual ini berlangsung:



FYP FTKW

Rasa kekitaan …. Itu dapat wujud aaa kalau kita sama-sama melindungi bangunan rumah kedai ini. Sebab aaa semua orang Kajang aa tahu ini tempat… kalau sebut nama Kajang aa semua orang boleh bayang ini tempat…jadi sebab itulah ini bangunan aa dilihat sebagai identiti bagi bandar ini…

(R4 15 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Sehubungan dengan itu, melalui peratusan daripada pendapat responden daripada kenyataan tersebut dan pandangan yang diberikan oleh responden juga telah membuktikan bahawa teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini sememangnya secara tidak langsung dapat memupuk semangat kekitaan dengan pengekalan kepada identiti bandar hasil daripada proses pemuliharaan warisan dengan penerapan teknik penyesuai gunaan semula.




Rajah 4.8: Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dari aspek semangat kekitaan dalam kelompok masyarakat yang berbilang bangsa

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

FYP FTKW

Rajah 4.8 di atas telah menunjukkan seramai 283 orang atau sebanyak (62%) responden memilih ‘sangat setuju’ dengan kenyataan yang diberikan manakala seramai 104 orang atau sebanyak (27.1%) responden telah memilih ‘setuju’ dengan kenyataan yang diberikan. Seterusnya, bagi responden yang memilih ‘tidak pasti’ pula adalah seramai 35 orang atau sebanyak (9.1%) responden manakala responden yang memilih ‘tidak setuju’ pula terdiri seramai lima orang atau sebanyak (1.3%) responden dan selebihnya merupakan responden yang memilih ‘sangat tidak setuju’ dengan kenyataan yang dikemukakan iaitu seramai dua orang atau sebanyak (0.5%).

Secara keseluruhannya, dapat dilihat bahawa sebilangan besar responden berpendapat bahawa teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini sememangnya berkesan dari segi aspek semangat kekitaan yang dapat ditonjolkan dalam kelompok masyarakat yang berbilang bangsa. Bagi mengukuhkan lagi pandangan ini, pengkaji juga telah menemu bual salah seorang masyarakat setempat di sini iaitu informan yang bernama Encik Timothy Kok dan beliau telah bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual dilaksanakan:

> Bagi saya…. Ada lah rasa itu semangat kekitaan semua. Sebab aaa…semua yang sudah tinggal lama di Kajang ini tahu aaa kenangan mereka pada zaman dulu aaa di sini tidak kira kaum apa..cina ke...Melayu ke…India ke...sama-sama membesar dan ada kenangan sendiri dengan bandar ini... Jadi kalau bangunan ini hilang…rasa kekitaan juga boleh hilang loh...
>
> (R2 7 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Melalui pandangan dan pendapat yang telah dinyatakan ini, jelaslah bahawa teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini sememangnya satu

usaha yang wajar diteruskan. Usaha dalam memelihara dan memulihara bangunan-bangunan lama seperti bangunan rumah kedai lama ini dilihat mampu dijadikan sebagai salah sebuah aset warisan yang dapat memupuk semangat kekitaan yang tinggi dalam diri kelompok masyarakat yang berbilang bangsa. Oleh hal demikian, usaha ini wajar diteruskan kerana ianya bukan sahaja dapat melindungi bangunan rumah kedai lama tersebut semata-mata malah ianya juga mendatangkan faedah dan kepentingan kepada identiti bandar tersebut dan juga semangat kekitaan yang tinggi dalam kelompok masyarakat yang berbilang bangsa.

### 4.3.3 Keberkesanan Teknik Penyesuai Gunaan Semula Dari Aspek Perlindungan dan Pelestarian

Kajian ini telah mengemukakan persoalan secara umum pada awalnya untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Oleh itu, soalan yang berbentuk pilihan jawapan skala likert iaitu dengan pilihan daripada 'sangat setuju' sehinggalah 'sangat tidak setuju' ini telah dibina untuk memahami konteks kajian yang berhubung tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini dalam melindungi nilai warisan di bandar Kajang. Dapatan kajian yang telah diperoleh ini telah dikemukakan menerusi gambaran graf yang lebih jelas seperti yang dinyatakan di bawah:

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Rajah 4.9: Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dari aspek perlindungan dan pelestarian kesenian seni bina bangunan masa lalu

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Rajah 4.9 telah menunjukkan nilai peratusan dan kekerapan bagi pandangan responden tentang tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dari aspek perlindungan dan pelestarian dalam kesenian seni bina bangunan masa lalu. Melalui gambar rajah ini, seramai 286 orang atau sebanyak (74.5%) responden ‘sangat setuju’ dengan kenyataan yang diberikan manakala seramai 78 orang atau sebanyak (20.3%) responden hanya memilih untuk ‘setuju’ dengan kenyataan yang diberikan. Bagi responden yang memilih ‘tidak pasti’ dengan kenyataan ini adalah seramai 16 orang atau sebanyak (4.2%) responden dan selebihnya merupakan responden yang memilih ‘tidak setuju’ iaitu seramai empat orang atau sebanyak (1%) dan tiada responden yang memilih ‘sangat tidak setuju’ dengan kenyataan tersebut.

FYP FTKW

Berdasarkan pandangan yang diberikan oleh para responden ini dapat dilihat bahawa secara majoritinya, responden sangat setuju dengan pernyataan yang menyatakan bahawa teknik suai guna semula ini dilihat berkesan dari segi aspek perlindungan dan pelestarian dalam kesenian seni bina bangunan pada masa lalu. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kesenian seni bina terhadap bangunan rumah kedai lama ini sangat unik dan berharga dalam pembinaan sesebuah bangunan rumah kedai. Keunikan seni bina yang dapat dilihat terutama melalui fasad bangunan ini sahaja telah menampakkan sebuah bangunan yang menarik dan unik daripada bangunan moden pada zaman kini. Ketelitian dalam kesenian seni bina bangunan rumah kedai lama ini sememangnya tidak dapat ditandingi oleh mana-mana bangunan rumah kedai kini.

Sehubungan dengan itu, pandangan ini juga disokong oleh informan yang telah ditemu bual oleh pengkaji yang mana informan pertama iaitu Sr. Zakaria Bin Ehsan selaku Juruukur Bangunan di Jabatan Kawalan Bangunan ada menyatakan:

> Sememangnya…bangunan rumah kedai lama ini...aa kita dapat lihat dia punya aa seni bina tiada tandingi dengan aaa apa tu…seni bina sekarang… kalau bangunan dulu…daripada fasad bangunan pun kita dah tahu dah ohh…tu bangunan rumah kedai lama…jadi saya menganggap suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini sememangnya…memberikan satu nafas baru untuk bangunan lama ini dan sekaligus dapat dilindungi dan dilestarikan sehingga masa depan…

(R1 7 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN




Rajah 4.10: Tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula dari aspek perlindungan dan pelestarian dalam mengelak daripada dibiarkan begitu sahaja

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Rajah 4.10 telah menunjukkan seramai 292 orang atau sebanyak (76%) responden telah memiih 'sangat setuju' dengan kenyataan ini manakala 73 orang atau sebanyak (19%) responden hanya memilih 'setuju' bagi kenyataan yang dikemukakan ini. Responden yang 'tidak pasti' dengan pernyataan ini pula adalah seramai 16 orang atau sebanyak (4.2%) dan selebihnya adalah responden yang memilih 'tidak setuju' dengan seramai tiga orang atau sebanyak (0.8%) responden. Bagi pernyataan ini, tiada responden yang memilih 'sangat tidak setuju' dengan kenyataan yang dikemukakan.

Bertitik tolak dengan kenyataan di atas, sebilangan besar daripada para responden ini telah sangat setuju dengan kenyataan yang dikemukakan oleh pengkaji iaitu dengan peratusan sebanyak (76%) daripada para responden memilih skala ini. Tidak dapat dinafikan lagi bahawa teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini



FYP FTKW

sememangnya memberikan kesan yang positif kepada aspek perlidungan dan pelestarian bagi bangunan tersebut. Pandangan ini juga disokong oleh salah seorang informan dalam kajian ini iaitu informan ketiga yang bernama Encik Kwong Sang Who yang telah bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan semasa sesi temu bual dijalankan dan beliau telah menyatakan:

> Guna semula bangunan rumah kedai lama ini aaa … memang banyak membantu aaa dalam kekalkan bangunan lama ini…kalau kita tengok aa masih banyak..bangunan lama tak guna dah…tapi orang makin bina lagi bangunan baru banyak-banyak …terus mau buat apa…bazir saja..baik *you* bangunkan balik…ini bangunan lama bagi cantik..jadi takda biar kosong saja takda guna…jadi bagi saya aa guna semula bangunan lama ini memang bagus aaa untuk *maintain* kita punya aaa…*culture..*
>
> (R3 7 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Lantaran itu, melalui dapatan kajian daripada kesemua responden dalam kajian ini dapat kita lihat bahawa teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini dilihat berkesan dalam menjadi salah sebuah penerapan yang dapat melindungi dan melestarikan aset warisan di bandar tersebut. Teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini juga dilihat bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada bangunan tersebut sahaja, malah ianya juga mendatangkan kepentingan kepada bandar dan ia juga bertindak dalam memainkan peranan penting sebagai objek yang menyatukan kelompok masyarakat yang berbilang bangsa.

FYP FTKW

## 4.4 PENAMBAHBAIKKAN YANG PERLU DILAKUKAN OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN DALAM MEMASTIKAN BANGUNAN RUMAH KEDAI DI JALAN MENDALING, KAJANG INI DIPELIHARA

Rentetan daripada perkara yang telah dinyatakan di atas, secara rumusnya teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama kepada sesuatu fungsi baharu dan unik dilihat berkesan dalam melindungi warisan di bandar tersebut. Hal ini dapat dilihat bahawa penambahbaikkan dari segi pengurusan dan pengawalan bangunan rumah kedai lama dalam mengaplikasikan teknik ini perlu dititikberatkan agar ianya tidak menyebabkan pengubahsuaian yang melampau sehingga menghilangkan ciri mahupun elemen asal yang penting dalam bangunan rumah kedai lama ini. Menerusi kenyataan yanag dikemukakan oleh pengkaji ini, beliau ada menyatakan bahawa pengurusan sesebuah fasiliti mahupun bangunan dan infrastruktur ini terlibat dalam pelbagai disiplin dan aktiviti yang boleh diguna pakai oleh semua organisasi sama ada di sektor awam mahupun swasta (Zakaria et al., 2010). Sehubungan dengan perkara ini, dilihat bahawa penambahbaikkan ini memerlukan usaha sama di antara Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan juga pemilik premis itu sendiri.

Ekoran daripada perkara tersebut, bagi memastikan bangunan rumah kedai lama ini sentiasa di kawal dengan baik selaras dengan kepentingan bangunan ini terhadap bandar Kajang ini seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah memainkan peranannya dengan mengawal bangunan-bangunan rumah kedai lama ini daripada sebarang aktiviti pencerobohan, kemusnahan, vandalisme dan sebagainya. Pemantauan yang diadakan secara berkala ini aalah merupakan salah satu tindakan dan usaha yang dilaksanakan oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) bagi



FYP FTKW

mengawal bangunan rumah kedai lama yang dilihat sebagai aset penting kepada bandar ini. Perkara ini juga disokong dengan pendapat oleh pengkaji yang ada menyatakan bahawa, proses penyesuai gunaan semula ini melibatkan penyusunan projek daripada pihak berkepentingan yang melihat kepada keselamatan bangunan dalam memelihara sejarahnya adalah satu langkah penting dalam mengawal bangunan ini (Eyüce & Salingaros, n.d.).

Menurut informan dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) iaitu Sr. Zakaria Bin Ehsan selaku Juruukur Bangunan di Jabatan Kawalan Bangunan bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji semasa sesi temu bual dijalankan:

> Aaa bagi pengurusan bangunan-bangunan ini aaa pihak MPKj sendiri…ada membuat lawatan terhadap bangunan-bangunan ini secara berkala dan saya rasa aaa ini antara Langkah daripada pihak kami lah… aa untuk memastikan bangunan ini sentiasa di kawal… pada fasad bangunan rumah kedai ini juga aaa kalau kita tengok.. masih lagi ada nombor aaa atau tahun terbinanya bangunan-bangunan ini… jadi ia juga merupakan antara salah satu perkara yang kami arahkan kepada pengusaha kedai untuk mengekalkan perkara-perkara sebegitu… bagi kawalan bangunan rumah kedai lama ini juga kami ketatkan lah aaa agar tidak ada yang merosakkan atau aaa merobohkan bangunan lama ini sesuka hati…
>
> (R1 5 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Melalui kenyataan yang telah diberikan oleh salah seorang wakil daripada Jabatan Kawalan Bangunan di Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) ini, jelaslah bahawa usaha dan tindakan yang dilaksanakan oleh pihak ini sememangnya telah membantu dalam perlindungan dan pelestarian bangunan rumah kedai lama ini daripada dimusnahkan atau dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Namun, berbeza pula pandangan yang dikemukakan oleh informan yang merupakan salah seorang pemilik bangunan rumah kedai lama yang mengaplikasikan



FYP FTKW

teknik suai guna semula ini, Dato’ Wong Yew Kai. Melalui sesi temu bual yang dijalankan beliau telah menyatakan:

> Pengurusan serta kawalan bangunan ini aaa banyak juga yang saya lakukan dalam memastikan bangunan ini aaa sentiasa dipelihara. Bangunan ini juga aaa banyak diselia oleh saya agar ianya kekal elok walaupun tiada pembinaan yang terlalu aaa mengubah rupa asal bangunan ini… saya harap aaa lepasni Kerjasama yang diberikan oleh pihak majlis dalam pelihara aaa ini bangunan lebih banyak dan saya harap lebih banyak lagi pemilik bangunan mengurus bangunan ini dengan baik…
>
> (R4 15 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Berdasarkan temubual yang telah dijalankan kepada kedua-dua informan ini, dapat kita rumuskan bahawa pengurusan dalam kawalan bangunan rumah kedai lama ini masih diusahakan oleh Pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) iaitu dengan lawatan yang dilaksanakan di bangunan-bangunan rumah kedai lama tersebut, namun tindakan dan usaha sama daripada pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dalam mengurus dan mengawal bangunan ini masih kurang.

Selain itu, penambahbaikkan yang dilakukan oleh Pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dalam memastikan bangunan rumah kedai lama ini sentiasa dipelihara adalah dari aspek keselamatan bangunan. Seperti yang sedia maklum, bangunan yang semakin usang dan dimamah usia ini berpotensi untuk berlakunya sebarang perkara buruk seperti bangunan roboh dan sebagainya. Bagi mengurangkan potensi perkara tersebut berlaku, pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah menjalankan beberapa tindakan dan aktiviti yang secara tidak langsung dapat membantu dalam menjaga keselamatan dan sekaligus memelihara bangunan rumah kedai lama ini daripada sebarang masalah.

FYP FTKW

Menurut informan dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) iaitu Sr. Zakaria Bin Ehsan selaku Juruukur Bangunan di Jabatan Kawalan Bangunan bersetuju dengan persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji semasa sesi temu bual dijalankan:

> Bagi keselamatan bangunan ini…. Kami dari pihak aaa Majlis Perbandaran Kajang sendiri ada memantau aaaa apa ni…bangunan-bangunan rumah kedai lama di sekitar Jalan Mendaling Kajang ini. Seperti yang kita tahu bangunan lama ini aaa lebih banyak potensi untuk rosak, roboh dan sebagainya…. jadi jika kita takutlah ia akan membahayakan aaa orang ramai kan… dan kita juga memandanglah dari aspek tersebut…. bangunan-bangunan lama ini perlukan lebih pemerhatian dan pengawalan bukan sahaja daripada pihak Majlis Perbandaran Kajang sahaja…. Tetapi Kerjasama daripada masyarakat juga penting. Kerja-kerja pemantauan dan pengawalan bangunan kerap dilakukan secara berkala daripada pihak Majlis Perbandaran Kajang sendiri dan aaaa kami juga mengambil maklumlah aaa apa-apa aduan tentang kerosakan bangunan dan sebagainya…
>
> (R1 5 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Hasil daripada sesi temu bual ini, responden pertama ini telah menyatakan bahawa keselamatan bangunan rumah kedai lama ini dipantau secara berkala dengan usaha sama yang diberikan oleh pemilik bagi bangunan-bangunan rumah kedai lama ini. Pemerhatian dan pemantauan yang khusus dijalankan bagi memastikan bangunan rumah kedai lama di bandar ini sentiasa dikawal rapi dan secara tidak langsung dapat mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku terhadap bangunan rumah kedai lama ini.

Selain itu, penambahbaikkan dari aspek tindakan undang-undang juga merupakan salah sebuah usaha dalam menambahbaik proses perlindungan dan pemeliharaan bangunan rumah kedai lama tersebut. Dalam konteks ini, dapat kita lihat bahawa bangunan rumah kedai lama ini memerlukan satu keistimewaan dalam penjagaan dan pemuliharaannya. Justeru itu, tindakan undang-undang merupakan salah satu langkah yang dipilih oleh pihak berkepentingan ini dalam melindungi bangunan tersebut. Kenyataan ini diperoleh daripada



FYP FTKW

sesi temu bual yang dijalankan kepada responden pertama iaitu wakil daripada Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) sendiri iaitu Sr. Zakaria Bin Ehsan, beliau menyatakan:

> Bagi tindakan undang-undang pula… pihak kami akan kenakan denda atau kompaun lah bagi kesalahan-kesalahan seperti merosakkan bangunan-bangunan rumah kedai lama ini…serta bagi pemilik kedai juga, jika terlalu mengubah suai fasad bangunan sampai hilang aaa rupa asal bangunan tersebut aaa memang kita akan ada kenakan kompaun dan sebagainya lah…
>
> (R1 5 Oktober 2021, Kajian Lapangan 2021)

Melalui pernyataan yang diberikan oleh responden pertama ini, jelaslah bahawa tindakan undang-undang juga merupakan antara salah satu tindakan yang ditambah baik oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dalam memelihara bangunan rumah kedai lama ini pada masa akan datang. Tindakan undang-undang ini juga memperlihatkan pihak berkepentingan ini sangat menambil berat tentang kawalan terhadap bangunan-bangunan yang berada di bandar ini khususnya bangunan yang menjadi salah sebuah aset kepada bandar Kajang ini iaitu bangunan rumah kedai lama.

## 4.5 RUMUSAN

Dalam bab ini, pengkaji telah menyimpulkan kesemua maklumat yang diperolehi menerusi hasil daripada pemerhatian, soal selidik dan sesi temu bual bersama para responden yang telah dipilih oleh pengkaji. Menerusi pemerhatian yang telah dijalankan, pengkaji telah dapat melihat sendiri bentuk-bentuk penyesuai gunaan semula yang telah diaplikasikan pada bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling, Kajang. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik untuk mengukur tahap keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula bangunan



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

rumah kedai lama ini dalam melindungi nilai warisan di bandar tersebut. Bukan itu sahaja, untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian ini pengkaji juga telah menemu bual empat orang responden yang terdiri kepada pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan pemilik-pemilik bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini. Menerusi kesemua kaedah kajian yang dilaksanakan ini, pengkaji telah merumuskan kesemua data yang diperoleh dan diperjelaskan dalam bentuk jadual, rajah dan carta. Hasil daripada perkara ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa kesemua responden berpendapat teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini merupakan satu usaha yang sangat baik bagi memelihara dan memulihara bangunan rumah kedai lama pada zaman yang semakin moden ini.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

# BAB 5

# KESIMPULAN DAN CADANGAN

## 5.0 PENGENALAN

Bab ini akan membincangkan dan merumuskan mengenai semua hasil dapatan kajian yang telah diperoleh menerusi hasil dan maklumat yang telah menjawab kepada persoalan dan objektif kajian yang telah dikemukakan pada awal kajian. Dalam pada itu, perbincangan di dalam bab ini akan menyentuh semua elemen dan topik dalam kajian ini iaitu dari segi permasalahan kajian, teori dan cadangan yang perlu diketengahkan di dalam kajian ini. Bagi cadangan yang akan dikemukakan bagi kajian ini, pengkaji akan memberikan cadangan bagi kerja-kerja penambahbaikkan dan usaha pemuliharaan yang boleh dilaksanakan oleh beberapa pihak serta kerja-kerja hadapan yang bersesuaian dengan kajian yang dijalankan ini. Secara keseluruhannya, bab ini juga akan membincangkan kesimpulan secara menyeluruh mengenai kajian ini.

## 5.1 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pengkaji dapat merumuskan bahawa kajian tentang penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini adalah merupakan satu kajian yang mampu memberikan satu usaha untuk mempergiatkan lagi aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan rumah kedai lama. Selain itu, perancangan dan pengurusan yang baik terhadap bandar ini

juga adalah sangat penting dalam menjadikan bandar ini maju dan secara tidak langsung nilai warisan yang terdapat di sebalik bangunan-bangunan rumah kedai lama ini dapat dipelihara dengan baik.

Melalui dapatan kajian daripada objektif pertama iaitu bentuk penyesuai gunaan semula yang diaplikasikan terhadap bangunan rumah kedai lama ini, pengkaji telah mendapati bahawa secara keseluruhannya hanya beberapa bangunan rumah kedai lama sahaja yang mengaplikasikan teknik penyesuai gunaan semula terhadap bangunan mereka. Namun, bagi bangunan-bangunan rumah kedai lama yang lain masih kurang mengaplikasikan teknik suai guna semula malah ada juga diantara bangunan yang dibiarkan begitu sahaja. Justeru itu, usaha yang sewajarnya perlu giat dijalankan kepada kesemua khazanah warisan ini agar ianya dapat dilestarikan kepada generasi akan datang.

Di samping pembangunan bandar yang maju dan selaras dengan kehendak dan kemahuan modenisasi dunia kini, elemen warisan dan sejarah bandar yang telah dibina bertahun lamanya itu perlu dipelihara mahupun dipulihara dengan baik agar harta dan khazanah ini dapat terus dilestarikan kepada generasi akan datang. Menerusi dapatan kajian daripada objektif kedua pula iaitu keberkesanan penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama dalam melindungi warisan ini juga telah membantu pengkaji dalam melihat sama ada teknik suai guna semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini berkesan mahupun tidak dalam melindungi warisan. Tinjauan yang telah dilakukan dalam mendapatkan data-data bagi objektif ini jelas menunjukkan bahawa teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama untuk dijadikan sebagai sesebuah fungsi baharu sememangnya telah mendatangkan kesan yang sangat positif kepada nilai warisan bagi bandar tersebut. Secara keseluruhan daripada tinjauan tersebut juga telah mendapati



FYP FTKW

masyarakat di bandar Kajang ini bersetuju bahawa teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini mampu memberi pelestarian dan perlindungan terhadap nilai warisan di bandar tersebut.

Bukan itu sahaja, daripada dapatan kajian yang diperoleh pengkaji menerusi objekif ketiga pula telah mendapati bahawa penambahbaikkan yang berterusan perlu dilakukan oleh pihak-pihak berkepentingan bagi memastikan bangunan rumah kedai lama ini sentiasa dipelihara dengan baik. Aspek penambahbaikkan yang diketengahkan adalah dari segi keselamatan bangunan, pengurusan dan kawalan bangunan serta tindakan undang-undang yang sewajarnya terhadap manusia yang tidak bertanggungjawab dalam merosakkan harta warisan ini. Melalui perkara ini juga diharapkan agar usaha pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan rumah kedai lama mahupun bangunan-bangunan lama yang memberi nilai kepada penduduk mahupun masyarakat setempat di lokasi tersebut perlu diteruskan agar ianya tidak hilang dan hanyut begitu sahaja. Penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama ini bukan sahaja dapat memastikan bangunan ini dipelihara semata-mata malah ianya sekaligus dapat melestarikan semangat kekitaan yang terdapat di sebalik bangunan usang ini kepada masyarakat setempat dan kepada generasi yang akan datang.

## 5.2 CADANGAN

Dalam memastikan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan seperti penyesuai gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama ini sentiasa diteruskan dan dilestarikan, terdapat beberapa cadangan yang ingin dicadangkan oleh pengkaji dalam usaha

FYP FTKW

penambahbaikkan bagi usaha ini. Cadangan ini perlu dikendalikan oleh beberapa pihak seperti yang dinyatakan berikut:

### 5.2.1 Pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

Melalui kajian yang telah dilaksanakan ini, pengkaji telah mendapati bahawa tahap pengurusan dan penglibatan pihak berkepentingan dalam memastikan penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama di Jalan Mendaling Kajang ini adalah berada di tahap yang memuaskan. Bukan itu sahaja, melalui sesi temu bual yang dilakukakan kepada beberapa informan juga telah memberikan jawapan yang kurang memuaskan mengenai pengurusan bangunan rumah kedai lama ini terutamanya dari aspek penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai lama yang kurang diterapkan dan diaplikasikan di bandar ini.

Sejajar dengan perkara tersebut, pengkaji telah mencadangkan agar pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) selaku pihak berkepentingan yang utama kepada bandar ini menggiatkan lagi usaha dalam memastikan bangunan rumah kedai lama ini kekal dilindungi dan dipulihara agar nilai warisan yang terdapat pada bangunan ini dapat dikekalkan sehingga ke masa akan datang. Selain itu, perkara ini juga dilihat penting adalah kerana bangunan rumah kedai lama ini mampu mewujudkan semangat kekitaan yang tinggi kepada masyarakat setempat di bandar ini. Secara rumusnya, pengkaji berharap agar usaha pemuliharaan seperti suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini terus dilaksanakan agar warisan ini dapat terus dilestarikan.



FYP FTKW

### 5.2.2 Masyarakat Setempat

Dalam kajian ini juga, pengkaji telah meneliti beberapa pihak yang perlu memainkan peranan mereka dalam memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap bangunan rumah kedai lama ini terus dilaksanakan dan salah satu daripadanya adalah masyarakat setempat itu sendiri. Perkara ini dilihat sedemikian adalah kerana, masyarakat setempat itu sendiri merupakan salah sebuah komponen utama dalam memastikan sesebuah warisan itu dipelihara dan dilestarikan kepada generasi yang akan datang.

Menerusi hujah ini, pengkaji mencadangkan agar masyarakat setempat di bandar tersebut perlu melibatkan diri dengan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan seperti menyuai guna semula bangunan rumah kedai lama ini kepada beberapa fungsi baharu tanpa menghilangkan rupa asal bangunan ini. Perkara ini dilihat sedemikian kerana, masyarakat itu sendiri perlu melaksanakan dan mengendalikan usaha ini agar ianya dapat diteruskan dan diperlihatkan sehingga ke generasi yang akan datang.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**RUJUKAN**


*8b9a88d8e49481001ecdcc99ab5922608a255630 @ www.ywj.gov.my*. (n.d.). http://www.ywj.gov.my/pengurusan/

Agusta, I. (2014). Teknik Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif. *Jurnal Studi Komunikasi Dan Media*, *02*(1998), 1–11.

Cantell, S. F., & Huxtable, A. L. (2005). *The Adaptive Reuse of Historic Industrial Buildings*. *May*, 2–10.

Cities, T. S., & Communities, R. (2018). *3 rd International Conference on Rebuilding Place ( ICRP 2018 )*. *May*, 32610.

Department of Statistics Malaysia. (2020). Index @ Www.Dosm.Gov.My. In *The Office of Cheif Statistician Malaysia Department of Statistics Malaysia*. http://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/ctwoByCat&parent_id=45&menu_id=Z0VTZGU1UHBUT1VJMFlpaXRRR0xpdz09

Din, R. (2020). *Kajian Reka Bentuk Dan Pembangunan Video ( Research Design and Development of Online Photoshop*. *3*(1), 55–61.

Duan, J., Hu, H., Zhang, Y., Feng, L., Shi, Y., Miller, M. R., & Sun, Z. (2017). Multi-organ toxicity induced by fine particulate matter PM2.5 in zebrafish (Danio rerio) model. *Chemosphere*, *180*(1), 24–32. https://doi.org/10.1016/j.chemosphere.2017.04.013

Dwi Kristanto, Y., & Sri Padmi, R. (2020). Analisis Data Kualitatif : Penerapan Analisis Jejaring untuk Analisis Tematik yang Cepat , Transparan , dan Teliti. *Jurnal Koridor, 1*(5), 1–21. https://files.osf.io/v1/resources/csah6/providers/osfstorage/5f792f5fe64e7e01e9ab1c




FYP FTKW

7f?format=pdf&action=download&direct&version=1

Edwards, R. (2018). An Elaboration of the Administrative Theory of the 14 Principles of Management by Henri Fayol. *International Journal for Empirical Education and Research*, *1*, 41–52. https://doi.org/10.35935/edr/21.5241

Etikan, I. (2017). Sampling and Sampling Methods. *Biometrics & Biostatistics International Journal*, *5*(6), 215–217. https://doi.org/10.15406/bbij.2017.05.00149

Eyüce, Ö., & Salingaros, N. (n.d.). *Design Education for Adaptive Reuse Related papers*.

*fayol's-five-functions-of-management- @ kfknowledgebank.kaplan.co.uk*. (n.d.). https://kfknowledgebank.kaplan.co.uk/fayol's-five-functions-of-management-

Haliza, D., Jamal, D., & Ramli, Z. (2021). *Pemuliharaan beberapa bangunan bersejarah di Kelantan : Tinjauan ke atas penglibatan komuniti setempat dalam suai guna semula Conservation of several historic buildings in Kelantan : A survey on involvements of the local community in adaptive reuse*. *2*(2), 461–474.

HARUN, D. S. N. (2005). Sejarah Dan Pengaruh Senibina. *Artikel Dalam Buletin Perancang, JPBD, UiTM Perak*. http://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/810049%0Ahttp://doi.wiley.com/10.1002/anie.197505391%0Ahttp://www.sciencedirect.com/science/article/pii/B9780857090409500205%0Ahttp://www.ncbi.nlm.nih.gov/pubmed/21918515%0Ahttp://www.cabi.org/cabebooks/ebook/20083217094

*Heri Retnawati 9 786021 547984*. (n.d.).

Hua, A. K. (2016). Pengenalan Rangkakerja Metodologi dalam Kajian Penyelidikan : Satu Kajian Kes Abstrak Introduction to Metodology Framework in Research Study : A Case Study Abstract Pengenalan. *Malaysian Journal of Social Sciences*

FYP FTKW

*and Humanities*, *1*(2), 17–24.

*index @ www.kkmm.gov.my*. (n.d.). https://www.kkmm.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=593:&catid=65&lang=en

*info-kajang @ www.mpkj.gov.my*. (n.d.). http://www.mpkj.gov.my/ms/pelawat/info-kajang

Jabatan Warisan Negara. (2016). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan 2016.pdf* (pp. 1–56).

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, December*. http://eprints.utm.my/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf

Junaedi, D. (2015). Living Qur'an: Sebuah Pendekatan Baru dalam Kajian AlQur'an (Studi Kasus di Pondok Pesantren AsSiroj AlHasan Desa Kalimukti Kec. Pabedilan Kab. Cirebon). *Journal of Qur'an and Hadith Studies*, *4*(2), 169190.

*kajang-heritage @ www.mstar.com.my*. (n.d.). https://www.mstar.com.my/travel/destinasi/2019/12/21/kajang-heritage

Kebangsaan Malaysia, U. (n.d.). PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA MELALUI PERUNDANGAN WARISAN DAN AGENSI PELAKSANA DI MALAYSIA MOHD YUSZAIDY MOHD YUSOFF. *Jurnal Melayu Bil*, *17*(2), 2018.

Kota, I. J., Warisan, B., & Kandungan, I. S. I. (2005). *Faktor Penyumbang Dalam Pembentukan Dan Konservasi Norasikin Hj . Hassan*.

Lindquist, E. F. (1940). Sampling in educational research. *Journal of Educational*



FYP FTKW

*Psychology*, *31*(8), 561–574. https://doi.org/10.1037/h0058806

MALAYSIA oieh, P. DI. (2008). *KAJIAN TIPOLOGI RUMAH KEDAI AWAL ERA BELANDA DI BANDAR MELAKA: SUMBANGAN KEPADA BIDANG Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah*.

*modern-look-is-a-defaced-facade @ www.thestar.com.my*. (n.d.). https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2019/01/28/modern-look-is-a-defaced-facade

Moen, T. (2006). Reflections on the Narrative Research Approach. *International Journal of Qualitative Methods*, *5*(4), 56–69. https://doi.org/10.1177/160940690600500405

Mohd Yusoff, Y., Dollah, H., Samad Kechot, A., Pengajian Bahasa, P., dan Kebudayaan Melayu, K., Sains Sosial dan Kemanusiaan, F., & Kebangsaan Malaysia Correnspondence, U. (n.d.). *Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara*.

Naqiuddin, M., Asyikin dan, N., & Nasrun Mohd Nawi, M. (2013). *Prosiding Simposium Pengurusan Teknologi, Operasi & Logistik, (SIPTIK IV) 14-16 Mei*.

Othman, A. A. E., & Elsaay, H. (2018). Adaptive reuse: an innovative approach for generating sustainable values for historic buildings in developing countries. *Organization, Technology and Management in Construction: An International Journal*, *10*(1), 1704–1718. https://doi.org/10.2478/otmcj-2018-0002

Pekan, D. I., Dan, M., Cina, P., Bandaraya, D. I., & Star, A. (2007). *PEMULIHARAAN BANGUNAN RUMAH KEDAI TRADISIONAL*.

Pendidikan, A. (2013). *PENGENALAN Perubahan dasar bahasa di Institusi Pengajian Tinggi Awam ( IPTA ) pada tahun 1993 serta kelonggaran dalam Akta Pendidikan*

FYP FTKW

*1996 yang telah diberikan kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta ( IPTS ) dalam isu penggunaan bahasa Inggeris sebagai . 3*, 41–48.

Prakoso, A. A. (2018). Arahan Pengembangan Kawasan Wisata Sungai Musi Kota Palembang. *Jurnal Arsitektur Dan Perencanaan (JUARA)*, *1*(1), 1–13. https://doi.org/10.31101/juara.v1i1.361

Rijali, A. (2019). Analisis Data Kualitatif. *Alhadharah: Jurnal Ilmu Dakwah*, *17*(33), 81. https://doi.org/10.18592/alhadharah.v17i33.2374

Rose, R. A. C., & Khalid, N. A. (2017). Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Tapak UNESCO George. *Geografi*, *5*, 1–7.

Salleh, N. (2014). Tepak Sirih: Interpretasi dan Persepsi Dalam Masyarakat Malaysia-Indonesia. In *Jurnal Komunikasi Borneo* (Vol. 1). http://demo.cseap.edu.my/jkob/index.php/journal/full/4.pdf

Seni, J., Bina, A., Senibina, F., & Ukur, P. (2020). *ELEMEN DAN KARAKTER FIZIKAL DI KAWASAN KAKI LIMA*. 8–24.

Sugden, E. (2017). *The Adaptive Reuse of Industrial Heritage Buildings: A Multiple-Case Studies Approach*. 140. http://hdl.handle.net/10012/12823

Syam, E. (2018). Rancang Bangun Sistem Informasi Manajemen Data Mahasiswa Dan Dosen Terintegrasi. *It Journal Research and Development*, *2*(2), 45–51. https://doi.org/10.25299/itjrd.2018.vol2(2).1220

*usaha-jadikan-smk-convent-bukit-nanas-tapak-warisan-dapat-bantahan-nancy-shukri-294706 @ www.astroawani.com*. (n.d.). https://www.astroawani.com/berita-malaysia/usaha-jadikan-smk-convent-bukit-nanas-tapak-warisan-dapat-bantahan-nancy-shukri-294706



FYP FTKW

*User preference on façade of shophouses built between 1900-1945 in petaling street, kuala lumpur toong yong seng frsb 2016 4*. (2016).

Warisan Sejarah Reka Bentuk Bandar Tanjong Malim, M., Khasumarlina Mohd Khalid, I., Ramli, H., & Bakar Sabran, A. (2015). *The Redesigning of the Historic Town of Tanjong Malim* (Vol. 3).

Yuszaidi, M., & Yusoff, M. (n.d.). AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645): PENILAIAN DARI ASPEK PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASA. *Jurnal Melayu Bil*, *14*(2), 2015.

Zainal, Z. (2017). Makna perkataan hujan dalam al-Quran berdasarkan konteks situasi. *Jurnal Kemanusiaan*, *15*(1-S), 75–80.

Zakaria, H., Arifin, K., Ahmad, S., & Aiyub, K. (2010). Pengurusan Fasiliti Dalam Penyelenggaraan Bangunan:Amalan Kualiti, Keselamatan dan Kesihatan. *Journal of Techno Social*, *2*(1), 23–36.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## LAMPIRAN




Gambar 1: Temubual bersama Informan 1, Sr. Zakaria Bin Ehsan

Sumber: Kajian Lapangan 2021



Gambar 2: Temubual bersama Informan 2, Encik Timothy Kok

Sumber: Kajian Lapangan 2021

FYP FTKW




Gambar 3: Temubual bersama Informan 4, Dato' Wong Yew Kai

Sumber: Kajian Lapangan 2021

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
*Faculty of Creative Technology and Heritage*

RUJ. KAMI *(Our Ref)* : UMK.A02.600-4/7/4 JILID 2 (48 )
TARIKH *(Date)* : 25 JULAI 2021

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
Menara MPKj Jalan Cempaka Putih
43000
Kajang
Selangor

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

| Bil. | Nama Pelajar | No Matrik | No. Kad Pengenalan | Program |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Nur Elisa Natasha Binti Sukhairy | C18A0278 | 980106106492 | Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian |

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

***"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"***
***"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"***
***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD**
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN اونيۏرسيتي مليسيا كلنتن
Kampus Bachok
Beg Berkunci *(Locked Bag)* No. 01,
16300 Bachok, KELANTAN, MALAYSIA
Tel : 609 779 7260
Fax : 609 779 7262

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

**MEMO ANTARA JABATAN**

**"BERETIKA KEHIDUPAN BERKUALITI"**

selangorku

| | | | |
|---|---|---|---|
| Kepada : | Pengarah<br>Jabatan Kawalan Bangunan | Ruj. Kami : | MPKj.500-7/2 JLD4( 73 ) |
| | | Tarikh : | 4 Oktober 2021<br>27 Safar 1443H |
| Daripada : | Penolong Pegawai Tadbir Kanan<br>Bahagian Sumber Manusia<br>Jabatan Khidmat Pengurusan | | |

Puan,

**MEMOHON UNTUK MENJALANKAN KAJI SELIDIK**

Saya dengan hormatnya diarah merujuk perkara di atas dan surat dari Universiti Malaysia Kelantan bertarikh 25 Julai 2021 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, pelajar **Nur Elisa Natasha Binti Sukhairy** sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian berhasrat untuk mendapatkan informasi dan maklumat yang berkaitan bagi menyempurnakan penyelidikan projek / kerja kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)** yang sedang dijalankan.

3. Oleh yang demikian, mohon kerjasama Puan di dalam usaha pelajar - pelajar ini menjayakan penyelidikan yang sedang dijalankan. Walau bagaimanapun maklumat yang diperolehi adalah sulit, maka maklumat tersebut digunakan semata - mata untuk tujuan akademik sahaja dan tertakluk kepada taraf maklumat dan prosedur yang telah ditetapkan.

4. Bersama – sama ini dilampirkan surat pengesahan pelajar berkenaan untuk tindakan Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD SYAFIQ BIN MAT SIN)**

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## LATAR BELAKANG INFORMAN

### Informan 1

| | |
|---|---|
| Nama | Sr. Zakaria Bin Ehsan |
| Peranan | Juruukur Bangunan di Jabatan Kawalan Bangunan |
| Tarikh/Hari Temubual | 5 Oktober 2021 (Selasa) |
| Masa Temubual | 2.30 – 3.30 Petang |
| Lokasi | Secara Atas Talian |

### Informan 2

| | |
|---|---|
| Nama | Encik Timothy Kok |
| Peranan | Pekerja Restoran Satay Putera |
| Tarikh/Hari Temubual | 7 Oktober 2021 (Khamis) |
| Masa Temubual | 4.00 – 4.30 Petang |
| Lokasi | Restoran Satay Putera, Kajang |

### Informan 3

| | |
|---|---|
| Nama | Encik Kwong Sang Woh |
| Peranan | Pemilik Bangunan Rumah Kedai Lama |
| Tarikh/Hari Temubual | 7 Oktober 2021 (Khamis) |
| Masa Temubual | 4.50 – 5.15 Petang |
| Lokasi | Jalan Mendaling, Kajang. |

### Informan 4

| | |
|---|---|
| Nama | Dato' Wong Yew Kai |
| Peranan | Pemilik Restoran Satay Putera |
| Tarikh/Hari Temubual | 15 Oktober 2021 (Rabu) |
| Masa Temubual | 12.05 Tengah Hari – 1.30 Petang |
| Lokasi | Restoran Satay Putera, Kajang. |

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

FYP FTKW

# TRANSKRIP TEMUBUAL

## 1. Bentuk penyesuai gunaan semula

a. Rupa bangunan yang di suai guna semula

| | |
|---|---|
| **Responden 1** | Jika kita lihat sendiri di bandar kajang tu kana aa tak banyak lah … kedai yang aaa yang menggunakan kaedah suai guna semula ini aaa banyak kedai yang masih kekalkan sahaja bangunan ini tanpa mengubah apa-apa…terutamanya fasad bangunannya…dan kebanyakan antara mereka… aaa mereka menyambung legasi atuk nenek mereka dahulu… jadi ada beberapa kedai sahaja yang ubah sikit bangunan tu jadi…. Kedai makan aaa macam kedai satay tu kan… |
| **Responden 2** | Rupa bangunan ini aaa masih sama…. Tak banyak ubah aaa sebab kami mau kekalkan aaa rupa bangunan dulu-dulu punya aaa… sebab itu lagi nampak klasik lah…. Benda lama maa mesti lagi cantik… |
| **Responden 4** | Rupa bangunan kami tak banyak ubah sebab kami aaa mahu ….. rupa bangunan lama ini dikekalkan aaa supaya generasi depan aaa boleh nampak … boleh tengok lagi ini bangunana lama… |

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

b. Perniagaan yang menggunakan teknik penyesuai gunaan semula

| | |
|---|---|
| **Responden 1** | Seperti yang saya nyatakan sebelum ini…. Kebanyakannya kedai makan lah …yang…aaa mengubah suai guna semula bangunan ini untuk nampak lagi cantik dan aaa klasik. Saya rasa…ini juga antara trend sekarang kan…bangunan kedai lama dijadikan sebagai café dan sebagainya… |
| **Responden 2** | Kebiasaannya kedai makan jelah….aaa yang saya nampak dia ubah balik bangunan rumah kedai lama ini untuk dijadikan sebagai kedai makan dengan suasana lebih klasik…selain itu…banyak kedai yang diwarisi daripada aa dulu aaa macam contoh…kedai kunci…kedai basikal itu….itu semua masih *maintain* dari legasi nenek moyang dulu lah.. |
| **Responden 3** | Kedai makan ohh…. Macam kedai satay itu kan…. Kita tahu Kajang terkenal maa…dengan itu…. Satay… jadi bila kedai lama guna balik dia lagi cantik lah.. |
| **Responden 4** | Banyak juga aaa perniagaan yang aaa menggunakan semula dan suai guna…semula bangunan rumah kedai lama ini untuk dijadikan aaa sebagai fungsi baru.. tapi kebanyakannya kedai makan dan restoran lah… |



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

c. Tahap ubah suai bangunan rumah kedai

| | |
|---|---|
| **Responden 1** | Aaa bagi saya…tak banyak bangunan rumah kedai yang mengubah suai dan masih mengekalkan lagi aaa…. Rupa asal bangunan ini. Banyak daripada pemilik-pemilik aaa premis ini mengubah suai sehingga tidak nampak rupa asal bangunan rumah kedai lama ini. Tetapi aaa masih ada lagi lah…yang…yang mengekalkan lagi rupa asal bangunan ini. |
| **Responden 2** | Banyak rumah kedai sudah *renovate* aaa sebab mereka taknak …. Aaa susah-susah mau jaga bangunan lama… mereka mau ubah terus semua senang…takpayah susah-susah jaga. |

**2. Keberkesanan teknik penyesuai gunaan semula**

a. Kesedaran

| | |
|---|---|
| **Responden 1** | Bagi saya….aaa teknik penyesuai gunaan semula bangunan rumah kedai ini adalah satu Langkah yang baik….aaa dalam memupuk kesedaran kepada masyarakat setempat di Kajang ini supaya lebih aaa menghargai bangunan-bangunan lama ini. |
| **Responden 2** | Bagus juga aaa ini teknik penyesuai gunaan semula bangunan sebab melalui teknik ini…aaa masyarakat lain boleh nampak dan sedar betapa pentingnya warisan kita ini. |



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| | |
|---|---|
| **Responden 3** | Aaa…guna semula bangunan lama ini sangat membantu dalam memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya bangunan lama ini. |
| **Responden 4** | Ye…bagi saya….teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini sangat aaa membantu dalam memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya kepada golongan belia…sebab saya nampak ini aaa antara salah satu *trend* sekarang juga kan… yang mana kita guna semula bangunan rumah kedai lama ini kepada sesuatu benda baharu yang unik. |

b. Rasa Kekitaan

| | |
|---|---|
| **Responden 2** | Bagi saya…. Ada lah rasa itu semangat kekitaan semua. Sebab aaa…semua yang sudah tinggal lama di Kajang ini tahu aaa kenangan mereka pada zaman dulu aaa di sini tidak kira kaum apa..cina ke...Melayu ke…India ke...sama-sama membesar dan ada kenangan sendiri dengan bandar ini... Jadi kalau bangunan ini hilang…rasa kekitaan juga boleh hilang loh... |
| **Responden 4** | Rasa kekitaan …. Itu dapat wujud aaa kalau kita sama-sama melindungi bangunan rumah kedai ini. Sebab aaa semua orang Kajang aa tahu ini tempat… kalau sebut nama Kajang |



FYP FTKW

| | |
|---|---|
| | aa semua orang boleh bayang ini tempat.. jadi sebab itulah ini bangunan aa dilihat sebagai identiti bagi bandar ini. |

c. Pemeliharaan dan kelestarian bangunan

| | |
|---|---|
| **Responden 1** | Sememangnya…bangunan rumah kedai lama ini..aa kita dapat lihat dia punya aa seni bina tiada tandingi dengan aaa apa tu…seni bina sekarang… kalau bangunan dulu…daripada fasad bangunan pun kita dah tahu dah ohh…tu bangunan rumah kedai lama…jadi saya menganggap suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini sememangnya…memberikan satu nafas baru untuk bangunan lama ini dan sekaligus dapat dilindungi dan dilestarikan sehingga masa depan.. |
| **Responden 3** | Guna semula bangunan rumah kedai lama ini aaa … memang banyak membantu aaa dalam kekalkan bangunan lama ini…kalau kita tengok aa masih banyak..bangunan lama tak guna dah…tapi orang makin bina lagi bangunan baru banyak-banyak …terus mau buat apa…bazir saja..baik *you* bangunkan balik…ini bangunan lama bagi cantik..jadi takda biar kosong saja takda guna…jadi bagi saya aa guna semula bangunan lama ini memang bagus aaa untuk *maintain* kita punya aaa…*culture*.. |

FYP FTKW

FYP FTKW

**3. Penambahbaikkan memastikan bangunan rumah kedai lama ini kekal dipelihara.**

a. Keselamatan Bangunan

| | |
|---|---|
| **Responden 1** | Bagi keselamatan bangunan ini…. Kami dari pihak aaa Majlis Perbandaran Kajang sendiri ada memantau aaaa apa ni….bangunan-bangunan rumah kedai lama di sekitar Jalan Mendaling Kajang ini. Seperti yang kita tahu bangunan lama ini aaa lebih banyak potensi untuk rosak, roboh dan sebagainya…. jadi jika kita takutlah ia akan membahayakan aaa orang ramai kan… dan kita juga memandanglah dari aspek tersebut…. bangunan-bangunan lama ini perlukan lebih pemerhatian dan pengawalan bukan sahaja daripada pihak Majlis Perbandaran Kajang sahaja…. Tetapi Kerjasama daripada masyarakat juga penting. Kerja-kerja pemantauan dan pengawalan bangunan kerap dilakukan secara berkala daripada pihak Majlis Perbandaran Kajang sendiri dan aaaa kami juga mengambil maklumlah aaa apa-apa aduan tentang kerosakan bangunan dan sebagainya. |
| **Responden 2** | Dari segi keselamatan bangunan aa pihak majlis ada juga pantau-pantau sikit-sikit maa ini bangunan lama. Tapi aa pihak majlis kadang-kadang saje maa pantau ini bangunan. |

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| | |
|---|---|
| | Kalau ada kebakaran atau aa apa-apaa roboh aa baru dia mari. Kalau takda apa-apa, takda datang lah hahaha… |
| **Responden 3** | Ada..ada… aaa orang-orang majlis ada tengok-tengok bangunan rumah kedai lama ini ada rosak atau tak…aaaa diorang juga ada tengok bangunan ini selamat guna atau tak. |
| **Responden 4** | Dari segi keselamatan bangunan rumah kedai ini, pihak majlis sendiri ada jalankan aaa tugas mereka dengan adakan tinjauan dan pemerhatian terhadap bangunan-bangunan rumah kedai lama ini… saya juga dalam memastikan bangunan asal bagi rumah kedai ini terpelihara…. Saya ada mengubah suai rumah kedai ini dengan menambah besi bagi mengukuhkan lagi aaa dinding dan bumbung bagi bangunan rumah kedai lama ini…. Saya juga ada aaaa ubah sikit-sikit bangunan ini untuk nampak aaa… lebih selamat lah aaa sebab ini kedai makan maa … pelanggan saya mau makan tempat cantik dan selamat…. |

b. Pengurusan dan Kawalan Bangunan

| | |
|---|---|
| **Responden 1** | Aaa bagi pengurusan bangunan-bangunan ini aaa pihak MPKj sendiri …. ada membuat lawatan terhadap bangunan-bangunan ini secara berkala dan saya rasa aaa ini antara Langkah daripada pihak kami lah… aa untuk memastikan |



FYP FTKW

| | |
|---|---|
| | bangunan ini sentiasa di kawal… pada fasad bangunan rumah kedai ini juga aaa kalau kita tengok.. masih lagi ada nombor aaa atau tahun terbinanya bangunan-bangunan ini… jadi ia juga merupakan antara salah satu perkara yang kami arahkan kepada pengusaha kedai untuk mengekalkan perkara-perkara sebegitu… bagi kawalan bangunan rumah kedai lama ini juga kami ketatkan lah aaa agar tidak ada yang merosakkan atau aaa merobohkan bangunan lama ini sesuka hati… |
| **Responden 2** | Bagi aaa pengurusan ini aaa banyak dilakukan daripada pemilik kedai aa itu sendiri… saya nampak pemilik kedai itu sendiri yang banyak mengurus dan melindungi bangunan ini lah… pihak majlis juga ada tapia aa kurang sikitlah… mereka pun *busy* kan.. |
| **Responden 4** | Pengurusan serta kawalan bangunan ini aaa banyak juga yang saya lakukan dalam memastikan bangunan ini aaa sentiasa dipelihara. Bangunan ini juga aaa banyak diselia oleh saya agar ianya kekal elok walaupun tiada pembinaan yang terlalu aaa mengubah rupa asal bangunan ini… saya harap aaa lepasni Kerjasama yang diberikan oleh pihak majlis dalam pelihara aaa ini bangunan lebih banyak lah dan saya harap lebih banyak lagi pemilik bangunan rumah kedai lama yang lain sama-sama mengurus bangunan ini dengan baik.. |

FYP FTKW

c. Tindakan Undang-undang

| | |
|---|---|
| **Responden 1** | Bagi tindakan undang-undang pula… pihak kami akan kenakan denda atau kompaun lah bagi kesalahan-kesalahan seperti merosakkan bangunan-bangunan rumah kedai lama ini…serta bagi pemilik kedai juga, jika terlalu mengubah suai fasad bangunan sampai hilang aaa rupa asal bangunan tersebut aaa memang kita akan ada kenakan kompaun dan sebagainya lah… |
| **Responden 4** | Bagi pandangan saya… pihak kerajaan mahupun kerajaan setempat perlu menetapkan satu akta atau Tindakan undang-undang yang khusus bagi melindungi bangunan-bangunan rumah kedai ini daripada diubah suai sehingga hilang seni dan sejarahnya… sebab kita juga tahu bahawa bangunan-bangunan di sini memberi satu *sentimental value* kepada masyarakat yang sudah lama di sini…. |

FYP FTKW

## HASIL TINJAUAN BORANG SOAL SELIDIK SECARA ATAS TALIAN

### Demografi Responden

1. Umur




2. Jantina






FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3. Bangsa




4. Pekerja




FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5. Tempoh Menetap di Kajang




6. Tahap Pendidikan




FYP FTKW

**Tahap Keberkesanan teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama dalam melindungi nilai warisan**

1. Aspek Kesedaran

Teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama dapat memberi pendedahan dan pengetahuan sejarah kepada masyarakat.

384 responses




Teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama mampu memberi daya tarikan di tengah bandar yang moden.

384 responses






FYP FTKW

Teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama dapat menarik golongan muda khususnya untuk menghargai warisan kita.

384 responses




Teknik suai guna semula terhadap bangunan rumah kedai lama dapat memberi kesedaran kepada masyarakat setempat untuk melindungi aset warisan.

384 responses




Teknik suai guna semula terhadap bangunan rumah kedai lama dapat melahirkan masyarakat yang kreatif dengan menggunakan semula warisan lama kepada sesuatu yang lebih menarik.

384 responses




FYP FTKW

2. Aspek Semangat Kekitaan

Sifat cinta akan warisan bangsa dapat dipupuk melalui penyesuaian gunaan semula bangunan rumah kedai lama.

384 responses




Suai guna semula bangunan rumah kedai lama dilihat dapat mengekalkan identiti bandar yang telah dibina bertahun lamanya.

383 responses




FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Penyesuaian gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama dilihat dapat menyemai sifat kekitaan dalam diri masyarakat setempat.
384 responses




Penyesuaian gunaan semula terhadap bangunan rumah kedai lama dilihat dapat mengekalkan identiti komuniti setempat.
383 responses




Suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini dilihat dapat membangkitkan semangat kekitaan dalam kelompok masyarakat yang berbilang bangsa.
384 responses



3. Aspek Pelestarian dan Perlindungan

Suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini dapat mengekalkan kesenian seni bina bangunan pada masa lalu.
384 responses




Suai guna semula bangunan rumah kedai lama mampu melindungi harta warisan di bandar tersebut.
384 responses




Teknik suai guna semula ini juga dapat mengelakkan bangunan rumah kedai lama dibiarkan begitu sahaja.
384 responses




FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Teknik suai guna semula ini juga dapat mengekalkan sejarah bandar tersebut sehingga generasi akan datang.

384 responses




Teknik suai guna semula bangunan rumah kedai lama ini dilihat dapat mengelakkan bangunan rumah kedai lama ini dan dirobohkan begitu sahaja.

384 responses




FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN